

Fitnah projek SMG cubaan alih isu REE

2

Manifesto PN hanya 'salin dan tampal'

4

Pembangkang tiada idea baharu

4

Angka palsu tohmah Stadium Shah Alam

5

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI EDISI KHAS DUA

www.selangorkini.my

Tiga juta manfaat skim takaful negeri

MUKA 5



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama waris pencarum beragama Islam yang menerima manfaat Skim Insurans Am dan Takaful Selangor (INSAN) di Bangi, Kajang pada 4 Ogos 2023. Diperkenalkan mulai 1 Oktober 2022, INSAN menawarkan perlindungan sehingga RM10,000 kepada seluruh penduduk dan pengundi di negeri ini. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ► FOTO KEMPEN PILIHAN RAYA MUKA 16,18, 20 & 22

Manifesto terus pencapaian 15 tahun

Tawaran HARAPAN-BN atas landasan kejayaan tadbir sejak 2008


8-10&12-13



Teruja tawaran maju negeri, hargai prestasi

Sambutan ramai terhadap manifesto, kejayaan Selangor

11&14



SSDU tulang belakang Selangor pintar

Pelbagai inisiatif digital Smart Selangor hingga 2025

SMART SELANGOR DELIVERY UNIT

6&7



Pemimpin PN 'tikam' sesama sendiri

AMPANG JAYA - Gabungan Perikatan Nasional (PN) rapuh dan tidak berupaya mentadbir negara berikutan pemimpinnya tiada pendirian tetap selain sering 'tikam-menikam' sesama sendiri.

Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor Dato' Seri Amirudin Shari berkata gabungan itu juga terbentuk hasil pemimpin yang kerap melompat parti demi kepentingan peribadi.

"Lawan kita pun ada cita-cita mahu buat gabungan besar. Mereka cuba buat tetapi tidak ikhlas. Mereka lompat daripada Umno, Parti Keadilan Rakyat, masuk parti lain dan gabung jadi Bersatu.

"Ketika dalam HARAPAN, mereka buat huru-hara. Gabung dengan Barisan Nasional, bertembung sesama sendiri dalam pilihan raya. Mereka tikam parti sahabat lepas menang, curi ahli parti lawan," katanya.

Bawa cadangan tambah jajaran rel

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor merancang untuk membawa cadangan penambahan jajaran kereta api dari Klang ke utara negeri itu kepada kerajaan persekutuan sebaik pilihan raya negeri (PRN) selesai pada 12 Ogos.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan pusat perlu dalam menjayakan pelan itu dan pertemuan segera dengan Kementerian Pengangkutan akan diadakan, lapor Bernama.

"Dari Klang ke Kuala Selangor akan ambil jarak jajaran dalam 20 kilometer (km) ke 30km dan isu yang dibincangkan nanti adalah melibatkan tanah rizab, jajaran serta kos," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian program Hari Terbuka MITI 2023, di sini pada 5 Ogos.

Beliau berkata jajaran itu bukan hanya dapat memendekkan perjalanan ke utara Selangor berbanding jalan raya, tetapi juga memberi limpahan ekonomi di sekitar kawasan terlibat.

Tolak tohmahan projek Sungai Klang

SHAH ALAM - Berjaya Land Berhad memberi penjelasan terperinci bagi menerangkan kedudukan sebenar pembangunan Sungai Klang sekali gus menangkis fitnah berkaitan projek tersebut.

Berikut intipati penerangan mengenai Gerbang Maritim Selangor (SMG):

- Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI tidak menjual 55 peratus sahamnya dalam anak syarikat miliknya kepada Berjaya Land
- Syarikat bertujuan khas Landasan Lumayan Berjaya Sdn Bhd (LLBSB) dibentuk melalui usaha sama Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB, 45 peratus), anak syarikat penuh MBI, dan Berjaya Hartanah Berhad (55 peratus)

- Selain membersihkan dan membangunkan Sungai Klang, usaha sama itu juga untuk menyediakan projek perumahan mampu milik
- Projek SMG mendapat pengiktirafan Green World Awards 2023 atas usahanya membersihkan Sungai Klang
- Berjaya Land dan/atau syarikat berkaitannya tidak pernah mendapatkan atau diberikan tanah seluas 600 ekar bernilai RM10 bilion
- Beberapa bidang tanah seluas 103.6 ekar diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada LLBSB setelah tanah tersebut didapati bersesuaian untuk pembangunan
- Berjaya Land dikehendaki mengumpul dana untuk membayar premium bagi pemindahan hak milik

tanah tersebut berdasarkan kadar harga pasaran

- Berjaya Land dan/atau syarikat berkaitannya tidak mendapat tanah 600 ekar
- Negeri Selangor tidak mengalami kerugian RM180 juta daripada tanah yang diberikan itu
- Hanya 103.6 ekar tanah diluluskan untuk usaha sama tersebut dan akan menjelaskan premium tanah RM113.1 juta mengikut nilai pasaran semasa seperti ditentukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Pada 3 Ogos, LLSB mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang aktivis politik yang membuat tuduhan tidak berasas.

MB, syarikat ambil tindakan undang-undang

Fitnah negeri cuba alih skandal REE

SHAH ALAM - Fitnah yang dilempar ketua pengarah Pilihan Raya Perikatan Nasional terhadap Kerajaan Selangor bertujuan mengalih perhatian umum daripada skandal unsur nadir bumi (REE).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkaitan projek pembangunan Sungai Klang dalam ceramah di Jitra, Kedah pada 2 Ogos.

"Ucapan beliau tersebut jelas adalah fitnah, dan merupakan percubaan oleh seorang yang amat terdesak dan ingin pengalihan persepsi daripada segala dakwaan skandal REE yang terpalit ke atas beliau, yang masih gagal dijawab secara berfakta sehingga kini," katanya.

Memulakan proses undang-undang terhadap Muhammad Sanusi, Amirudin

berkata isu itu dijelaskan panjang lebar di sidang Dewan Negeri Selangor tahun lalu dan awal tahun ini, selain sidang Parlimen pada 1 Mac.

Peranan Sanusi sebagai pengerusi Perbadanan Menteri Besar (MBI) Kedah dipertikai susulan kecurian REE di Hutan Simpan Kekal Bukit Enggang, Sik seperti disebut Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beberapa EXCO kerajaan Kedah, ketua pegawai eksekutif MBI Kedah dan pegawai kanan Muhammad Sanusi dilaporkan disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bulan lepas.

Isu tersebut mencetuskan minat ramai di seluruh negara berikutan perang mulut antara beliau dengan Saifuddin yang berpanjangan sejak beberapa minggu lepas.

Sementara itu, Berjaya Land Berhad mengambil tindakan undang-undang terhadap Sanusi berikutan menyampaikan fitnah terhadap projek pembangunan Sungai Klang, Gerbang Maritim Selangor (SMG).

"Kami sedang mengambil tindakan segera dengan membuat laporan polis dan mengambil langkah undang-undang untuk melindungi hak kami dalam hal ini," kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Syed Ali Shahul Hameed.

"Berjaya Land mendapati bahawa ucapan menteri besar itu (Sanusi) mengandungi kenyataan yang jelas palsu, tidak benar, tidak berasas, tidak disahkan, berniat jahat dan berniat mengelirukan yang dibuat terhadap syarikat, secara langsung dan/atau tidak langsung berkaitan dengan projek SMG."

Umum manifesto, tiada calon MB

SHAH ALAM - Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor Dato' Seri Amirudin Shari hairan Perikatan Nasional (PN) belum menamakan calon Dato' Menteri Besar pilihan mereka.

Amirudin, yang kekal menerajui negeri jika gabungan HARAPAN-Barisan Nasional menang, mempertikai sikap Tan Sri Muhyiddin Yassin yang membentangi manifesto tetapi PN tidak menamakan calon Dato' Menteri Besar.

"Kenapa Muhyiddin yang umum manifesto PN Selangor? Adakah sebab PAS tidak setuju (Dato' Seri Mohamed)

Azmin (Ali) jadi calon MB (menteri besar)?" katanya di Twitter pada 5 Ogos.

Sebelum itu beliau pernah menyatakan "rasa peliknya" itu dalam ceramah di Ijok dan Permatang, Kuala Selangor pada 4 Ogos, mengupas tindakan bekas pegawai Azmin yang mencadangkannya sebagai bakal Dato' Menteri Besar.

Muhyiddin sebelum ini dilaporkan ingin melantik seorang pemimpin daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia di negeri ini tetapi sengaja tidak mahu menamakan sesiapa.

Ketika nama Azmin disebut-sebut, beberapa pemimpin PAS Selangor tidak menyatakan persetujuan mereka. Malah, mereka beranggapan ada calon lain yang lebih layak.

Dewan Pemuda PAS Selangor bagaimanapun mencadangkan calon Sijangkang Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi dilantik menduduki kerusi tersebut.

Dua lagi pemimpin kanan parti itu Dato' Iskandar Abdul Samad dan Roslan Shahir Mohd Shahir menyifatkan "ramai calon lain yang turut layak dinamakan untuk jawatan tersebut".

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Kukuh kerjasama Malaysia-Turkiye



Malam tadi saya telah mengadakan pertemuan secara maya bersama sahabat saya Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan. Saya turut ditemani Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Kadir.

Sebelum kami memulakan perbincangan, Presiden Erdogan sempat mendoakan kejayaan gabungan perpaduan dalam Pilihan Raya di 6 Negeri di Malaysia.

Saya turut menyampaikan salam Azizah serta keluarga kepada Amina dan keluarga dan keinginan untuk bersua muka dalam kesempatan terdekat.

Dalam sesi ini, Presiden Erdogan memberikan komitmen jelas bahawa beliau akan berkunjung ke Malaysia dalam masa terdekat bagi memenuhi undangan saya untuk memperkukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Saya dan Presiden Erdogan turut bersetuju untuk bersemuka semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, Amerika Syarikat bulan depan.

Kami berdua turut berbincang terkait kerjasama pelaburan antara Malaysia-Turkiye.

Saya turut mengulangi komitmen pelaburan

Malaysia Airport Holding Bhd sebanyak £200 juta di Lapangan Terbang Antarabangsa Istanbul Sabiha Gokcen (ISGIA).

Untuk itu, Batik Air telah terpilih sebagai operator untuk laluan KUL-ISG. Dijangka penerbangan Batik Air akan bermula pada Oktober 2023.

Kami turut berbincang terkait kerjasama pertahanan di mana Agensi Industri Pertahanan Turkiye (SSB) telah menghantar delegasi yang besar untuk menyertai Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) baru-baru ini.

Saya berasa kagum dengan kemajuan teknologi pertahanan Turkiye dan yakin Malaysia bakal mendapat manfaat besar hasil kerjasama erat antara Malaysia - Turkiye. Sayugia saya bersetuju secara prinsip untuk memuktamadkan Memorandum Persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada masa yang terdekat.

Untuk rekod, jumlah perdagangan dengan Turkiye pada tahun 2022 berjumlah AS\$4.62 bilion (meningkat sebanyak 12.6%). Jumlah lebih dagangan sebanyak AS\$3.33 bilion kerana Turkiye mengimport minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit.

Saya juga menyatakan pendirian tegas Kerajaan Perpaduan yang menolak sebarang unsur keganasan serta tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam keganasan di negara ini.

Saya juga menggunakan kesempatan ini untuk maklumkan kepada Presiden Erdogan terkait usaha Malaysia menentang Islamophobia (permusuhan dan benci ke atas islam) iaitu tindakan membakar Al-Quran di Sweden. Saya mengancam sekerasnya tindakan tersebut yang berlindung di sebalik hak kebebasan bersuara yang diangungkan oleh Barat.

Lantaran itu, Malaysia menzahirkan komitmen untuk menyumbang satu juta naskhah AlQuran di seluruh dunia termasuk 15,000 naskhah dengan terjemahan dalam bahasa Sweden sebagai salah satu usaha untuk menangani kedangkalan pemahaman Barat terhadap Islam.

Dan akhir sekali, saya turut sampaikan salam anak-anak pelajar Kolej Matrikulasi Pulau Pinang yang saya temui petang semalam dalam program Temu Anwar kepada Presiden Erdogan.

ANWAR IBRAHIM, 6 OGOS 2023



Terus sokong calon HARAPAN-BN

SHAH ALAM - Pengundi Selangor diminta menyokong calon Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) berikutan kedua-dua gabungan itu memiliki prestasi baik dalam mentadbir negeri.

Naib presiden Umno berkata kestabilan politik dan pemimpin berkebolehan penting sebagai asas membentuk Kerajaan Negeri dan persekutuan yang berkesan, lapor New Straits Times.

"Selangor ditadbir BN selama 60 tahun, kemudian kita kalah dan diambil alih HARAPAN. Kita tengok mereka (HARAPAN) juga boleh membangunkan negeri dengan baik," kata Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Ditemui ketika beramah mesra dengan orang ramai di Pasar Tani AU2 bersama calon Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli, beliau menambah pentadbiran stabil memacu ekonomi dan memanfaatkan rakyat.

Dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos, Juwairiya bersaing satu lawan satu menentang bekas Dato' Menteri Besar Dato' Seri Mohamed Azmin Ali daripada Perikatan Nasional.

Rekod cemerlang lonjak sokongan

SHAH ALAM - Rekod cemerlang pentadbiran negeri antara faktor sokongan masyarakat India di Selangor meningkat sehingga 80 peratus.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan pencapaian itu petanda positif buat Kerajaan Selangor menjelang pilihan raya negeri (PRN) pada 12 Ogos.

"Sudah pasti besar sokongan tetapi tidaklah 100 peratus. Ia dibuktikan dengan representasi kita yang lebih mantap dan rekod baik.

"Jadi saya percaya (sokongan) capai sehingga 80 peratus daripada masyarakat India. Cuma kita harapkan mereka turun mengundi dan memberi sokongan pada PRN nanti," katanya pada 4 Ogos.

Sementara itu, bekas ahli parlimen Klang Charles Santiago berkata pihaknya berkempen melalui TikTok bagi memberi kesedaran kepada masyarakat India supaya menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Beliau menambah pertemuan dengan pemimpin masyarakat India terdiri daripada peniaga, badan bukan kerajaan (NGO) dan profesional juga diadakan lebih kerap.

Ubah angka, keliru rakyat

Manifesto PN 'salin dan tampal'

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan manifesto Perikatan Nasional (PN) Selangor mengambil idea kandungan tawaran Pakatan Harapan (HARAPAN)- Barisan Nasional negeri.

Pengerusi HARAPAN Selangor itu menjelaskan PN menyediakan tawaran hampir sama kepada rakyat dengan hanya mengubah nilai angka.

"Sepanjang saya dengar (pengumuman) itu, sudah ada tiga empat copy paste (salin dan tampal), cuma

beza pada angkanya.

"Kita buat BINGKAS (Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor) RM300, dia naikkan RM400. Kita jaga kebajikan, kita tawar gaji imam RM1,600 dia naikkan RM1,700.

"Dia copy paste dan ini selalunya lebih buruk dari ori (asli)," katanya pada 5 Ogos.

Pengumuman manifesto PN Selangor dibuat pada 4 Ogos, kurang seminggu daripada pembentangan Tawaran Kita Selangor Lima Tekad Untuk Lima Tahun Kegemilangan Selangor pada 31 Julai.

Terdahulu, Amirudin melancarkan

Tawaran Kita Selangor yang merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada pada 31 Julai.

Sebahagian kandungan yang terdiri daripada lima teras telahpun dimulakan pentadbiran Dato' Menteri Besar itu manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Amirudin berkata rakyat menyambut baik manifesto HARAPAN-BN antaranya bantuan RM1,000 kepada wanita berkerjaya serta insentif RM2,000 kepada 3,000 jemaah haji muassasah.

Pembangking tandus idea baharu

SHAH ALAM - Manifesto pilihan raya Perikatan Nasional (PN) negeri gagal menonjolkan idea baharu untuk rakyat.

Sebaliknya Tawaran Kita Selangor Lima Tekad Untuk Lima Tahun Pakatan Harapan (HARAPAN)-Barisan Nasional (BN) merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada.

Berikut reaksi orang ramai mengenai manifesto:



Memang manifesto itu ada banyak persamaan, mungkin bila HARAPAN keluarkan manifesto lebih awal mereka rasa terkejut jadi ubahlah supaya jadi lebih kurang.

Tapi manifesto HARAPAN dilihat mampu ditunai.

Norsitah Harun, 51, pekerja pembersihan

Apa yang HARAPAN sudah lama perkenalkan seperti saringan kesihatan dan penjagaan kesihatan mental, PN juga buat manifesto lebih kurang sama,



cuma berbeza nama.

Jadi apa yang baharunya? HARAPAN sudah terbukti jelas berjaya laksanakan dan sudah ada 'template'.

Wong Ang Moy, 66, pesara

Jika mereka tiada niat meniru sekali pun, sangat jelas ada manifesto yang hanya ditukar nama. Jadi untuk apa bentang idea orang lain seperti bayaran cukai pintu untuk rumah kos rendah dan kampung baharu.

Yang penting adakah mereka benar-benar boleh laksanakan manifesto yang lebih kurang sama ini? Sebab jika ikut 'track record' HARAPAN memang sudah berjaya kerana memang idea asal mereka.

Wong Poh Li, 65, pesara

Kita (HARAPAN) dah buat awal, dia main ambil saja. Lepas itu uar-uarkan (kepada rakyat). Kenapa dia cakap (manifesto) kita tak bagus? Tapi dia ambil idea tu.

Sepatutnya dia menyokong kita, te-

rima kasih kepada kita.

Norlia Kamarudin, 43, guru masakan

Yang menariknya bantuan RM400, sedangkan bantuan tu kita dah ada menerusi BINGKAS.

Dia tambah RM400 dengan harapan orang Selangor fikir RM300 tambah RM100, wow banyak ini.

Tapi boleh ke nak buat seperti Kerajaan Negeri buat sekarang ni? Dia (PN) nak senang kerja, malas fikir-fikir, tiru sahaja dan tukar nama.

Mohd Sufian Masri, 38, bekerja sendiri

Saya lihat mereka (PN) ketandusan idea. Mereka tahu manifesto HARAPAN-BN lebih baik dan mantap, jadi mereka ambil dan jadikan sebagai janji juga.

Ini membuktikan apa yang Kerajaan Negeri buat selama ini sudah baik. Mereka malu mahu akuinya, jadi mereka letak dalam manifesto.

Azman Amirullah, 39, kakitangan awam



WAKTU SOLAT	10 - 16 OGOS 2023 23 - 29 MUHARAM 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Khamis		5:51	6:01	7:11	1:21	4:40	7:28	8:40	5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42
11 Jumaat		5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42
12 Sabtu		5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39	5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:42
13 Ahad		5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:39	5:52	6:02	7:11	1:22	4:39	7:27	8:39	5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:41
14 Isnin		5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:39	7:27	8:38	5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:29	8:41
15 Selasa		5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40
16 Rabu		5:51	6:01	7:10	1:20	4:37	7:26	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:26	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40

Pembangking guna angka palsu

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyanggah fitnah Perikatan Nasional (PN) yang melempar tuduhan palsu dalam isu pembangunan semula Stadium Shah Alam.

Katanya, angka RM3.2 bilion yang dirujuk pembangkang sebagai kos membangunkan semula stadium itu sebenarnya cadangan pemaju membangunkan keseluruhan 70 ekar kawasan sekeliling.

"Mereka mengatakan kos pembinaan stadium mencecah RM3.2 bilion berdasarkan satu tangkap layar. Ini adalah salah!

"Kos pembinaan stadium baharu masih kekal antara RM800-900 juta seperti yang saya umumkan pada tahun 2022.

"PN tidak langsung menfokuskan

kepada isu polisi dan dasar sebaliknya hanya hidup bergelumang fitnah," katanya menerusi Twitter pada 4 Ogos.

Baru-baru ini, pembangkang menerusi media sosial mempertikai kos pembangunan semula kompleks sukan tersebut bagi meraih sokongan orang ramai dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Pembangunan semula Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) meliputi stadium dijalankan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) tanpa menggunakan dana negeri sebaliknya bersifat perkongsian awam-swasta.

Kompleks sukan baharu itu bakal meliputi pelbagai kemudahan untuk orang awam berekreasi selain merencanakan kegiatan komersial setempat antaranya:

- 40 peratus kawasan rekreasi awam, 60 peratus untuk sukan
- ada gelanggang indoor, dewan serba guna, hotel, masjid, ruang acara dan ruang jualan
- sedia ruang sewa bagi biayai kos selenggara

Ciri-ciri lain kompleks itu seperti berikut:

- stadium bertaraf antarabangsa
- kapasiti 35,000 ke 45,000 penonton
- ambil kira penyuraian aliran trafik
- hubung pengangkutan awam seperti LRT
- atasi kemungkinan banjir
- boleh berfungsi kendali pelbagai acara, termasuk konsert

Selesai isu sekolah Ladang Coalfields

KUALA SELANGOR - Isu status Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Coalfields yang mengakibatkan bil utiliti terlalu tinggi akan ditangani segera, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan perkara tersebut dipanjangkan ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Selangor bagi memastikan pengurusan sekolah berkenaan tidak lagi terbeban.

"Kita akan semak semula dan menyelesaikan perkara tersebut memandangkan sekolah sepatutnya diletak bawah status institusi," katanya selepas melawat sekolah terbabit pada 2 Ogos.

Sekolah berkenaan diletak bawah status komersial setara kegiatan perniagaan, yang menyebabkan tarif utiliti dikenakan lebih tinggi berbanding institusi.

Selain itu, Amirudin menjelaskan pentadbiran negeri sedia membina padang bola atau padang sukan di sekolah berkenaan bagi memastikan murid memiliki kemudahan mencukupi.

Beliau turut mengambil maklum pertambahan murid dari semasa ke semasa, yang akan dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan untuk menambah prasarana jika ada keperluan.

Perkenal insuran percuma patuh syariah

Manfaat tiga juta umat Islam

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

KAJANG - Skim Perlindungan Insurans Am (INSAN) patuh syariah yang memanfaatkan kira-kira tiga juta penduduk beragama Islam di Selangor dilancarkan.

Dato' Menteri Besar menjelaskan pencarum menerima perlindungan sehingga RM10,000 manakala waris memperoleh RM1,000 jika berlaku kematian menerusi Skim INSAN Takaful.

Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan skim tersebut turut menawarkan perlindungan RM20,000 bagi kes nahas di luar negara selain tuntutan RM50 sehari jika ditempatkan ke hospital.

"Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta bagi melaksanakan skim yang menitik berat elemen patuh syariah untuk memastikan masyarakat beragama Islam tidak ragu-ragu mendaftar.

"Skim ini bukan untuk raih undi tetapi berdasarkan pengalaman berdepan Covid-19, kita nampak mereka yang tidak dilindungi insurans, keluarganya terancam jika ada kematian," katanya.

Amirudin ketika melancarkan inisiatif tersebut pada 4 Ogos berkata penyediaan skim yang ditambah baik daripada polisi konvensional membuktikan kebajikan rakyat sentiasa dijaga.

"Ini anjakan baharu selepas kita berbincang dengan banyak pihak antaranya jabatan mufti dan jabatan agama untuk memastikan umat Islam mengikut landasan serta peradaban agama," katanya.

Sebagai permulaan, skim insurans tersebut ditawarkan kepada penduduk beragama Islam tetapi masyarakat bukan beragama Islam juga dialu-alu membuat permohonan.

INSAN diperkenal tahun lalu bagi melindungi semua penduduk negeri ini seawal usia 30 hari hingga 80 tahun dengan kos premium ditanggung sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Skim dengan nilai perlindungan keseluruhan RM60 bilion itu memberi perlindungan sehingga RM10,000 bagi kes hilang keupayaan kekal dan kematian akibat nahas.

Pemegang nombor kad pengenalan negeri ini atau pengundi Selangor layak mendaftar inisiatif berkenaan yang dilaksana oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Manfaat berkenaan turut diterima kira-kira sejuta pelajar di negeri ini melibatkan murid tahun satu hingga tingkatan enam termasuk pelajar sekolah swasta.

Pendaftaran boleh dibuat melalui aplikasi Wavpay yang boleh dimuat turun di AppStore, Google Play atau Huawei App Gallery.

Untuk maklumat lanjut, boleh layar laman sesawang programinsan.com

Bayu Homes
@Taman Saga 3,
Jalan Raja Nong, Klang.

**RUMAH TERES 2 TINGKAT
LOT BUMIPUTERA
PEGANGAN KEKAL**

- Saiz Lot 20' x 80'
- Luas Binaan daripada 2,146 Kaki Persegi
- Tinggal 12 Unit Sahaja
- Berdekatan Masjid Kota Raja

**HARGA DARIPADA
RM683,550***

*Harga selepas diskaun bumiputera

HUBUNGI :

016 364 4555 NADZRIE
019 366 4688 ROSE
016 208 8426 THOHA
016 269 5336 IBERAHIM

Lesen Pemaju (Fasa 1): 13298-2/02-2024/99(L) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024) Permit Iklan & Jualan (Fasa 1): 13298-2/02-2024 (P) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024) Lesen Pemaju (Fasa 2): 13298-3/03-2024/0207 (L) Tempoh Sah: Dari 11/3/2022 hingga 10/3/2024) Permit Iklan & Jualan (Fasa 2): 13298-3/03-2024/0207 (P) Tempoh Sah: Dari 11/3/2022 hingga 10/3/2024) Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Petan Bangunan: Majlis Perbandaran Klang | No. Rujukan Kelulusan Petan Bangunan: NPK/BGN-800-4/10048(2020)-P | Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas (kini Geran Hakmilik Induk) | Sekatan Kepentingan: Tidak | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2024 (Fasa 1) | Fasa 1 - Jumlah Unit: 22 unit (Jenis: B - Senja) | Harga Jualan: Jenis: B - Senja (minimum RM651,000.00 - maksimum RM1,008,000.00) (Fasa 2) | Fasa 2 - Jumlah Unit: 30 unit (Jenis: A - Suria) | Harga Jualan: Jenis: A - Suria (minimum RM735,000.00 - maksimum RM1,163,000.00) | Diskaun Bumiputera: 7% | Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad (Penafian: Semua maklumat yang terkandung di sini termasuk ukuran dan ilustrasi tertakluk pada pindaan tanpa pemberitahuan seperti yang mungkin dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak bertujuan untuk membentuk atau tidak boleh membentuk sebahagian dari tawaran atau kontrak. Semua ukuran hanya anggaran. Semua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja.



SSDU tulang belakang visi Smart Selangor

Dalam menjayakan visi menjadikan Selangor sebagai negeri pintar menjelang 2025, Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) diberi kepercayaan untuk memikul tanggungjawab yang besar ini.

Berpandukan kepada Pelan Tindakan Smart Selangor (SSAP) 2025 yang menggariskan 60 inisiatif, lebih separuh sudah pun berjaya dilaksanakan.

Namun usaha ini turut berhadapan cabaran antaranya, kesedaran masyarakat dan kekurangan maklumat berkaitan kemudahan aplikasi disediakan.

Selain itu, SSDU juga tekad memastikan lebih ramai orang awam merasai kesan pelaksanaan Smart Selangor ini.

Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas, wartawan **Nazli Ibrahim** menemu bual **Pengarah Urusan SSDU Innovations, Ahmad Akmal Hamzah** di pejabat beliau pada 27 Julai lalu.

Bagaimana teretusnya idea penubuhan Smart Selangor?

Idea penubuhan Smart Selangor bermula pada 2016 dan ini satu usaha untuk menjadikan Selangor sebuah negeri pintar dan berdaya huni. Sasarannya pada 2025. Menubuhkan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) pada masa itu adalah sebagai unit pelaksanaan Smart Selangor.

Pada tahun sama juga dikeluarkan satu pelan induk Smart Selangor yang melibatkan banyak perkara seperti teknologi, tadbir urus, ekonomi dan komuniti. Dokumen ini kita namakan Smart Selangor Blueprint.

Kemudian, daripada *blueprint* ini kita bangun satu pelan tindakan yang dipanggil Pelan Tindakan Smart Selangor (SSAP) 2025 yang di dalamnya banyak inisiatif pintar sudah dikenal pasti dari awal lagi. Pada masa itu, kita lihat 60 inisiatif ini akan dapat mewujudkan negeri pintar Selangor pada 2025. Inilah garis panduan yang menjadi asas bermulanya SSAP 2025 hingga ke hari ini.

Apakah fokus utama SSDU dalam menjadikan Selangor berjaya menjadi sebuah negeri pintar?

SSDU ini memang peranannya melaksanakan SSAP 2025. Jadi, tujuan kita untuk melaksana dan memastikan semua agensi dalam negeri Selangor sama-sama terlibat untuk membangunkan SSAP 2025. SSAP 2025 ada empat 'domain' iaitu kerajaan pintar, ekonomi pintar, komuniti pintar dan infrastruktur digital pintar.

Kerajaan pintar dicipta untuk mendigitalisasikan perkhidmatan Kerajaan Negeri di mana bila kita digantikan perkhidmatan ini, akan memudahkan urusan rakyat dengan Kerajaan Negeri. Ekonomi pintar pula, cara bagaimana kita boleh bantu usahawan dan peniaga mengguna pakai teknologi dalam urusan perniagaan seharian. Kita harap dapat wujudkan ekosistem yang sesuai untuk usahawan mendapat manfaat ekonomi digital ini.

Ketiga, komuniti pintar menyediakan akses digital untuk orang ramai yang menggalakkan penggunaan digital dalam urusan seharian. Keempat, infrastruktur digital pintar iaitu satu platform menempatkan analisis data secara pantas dengan membenarkan

pembangunan aplikasi lain dan menyampaikan maklumat sebagai negeri pintar. Dalam infrastruktur digital pintar ini juga kita bangun aplikasi yang dapat membantu orang ramai berurusan dengan kerajaan.

Kita telah bangun satu sistem 'cloud', pusat data hibrid yang digunakan untuk menyimpan data di pusat data ini. Ia merangkumi jaringan, pusat data dan juga perkhidmatan 'cloud'.

Apakah inisiatif pintar yang telah dibangunkan oleh SSDU dan apakah inisiatif ini mendapat perhatian atau sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Selangor?

Daripada 60 inisiatif dalam SSAP 2025 ini, kita telah bangun lebih kurang 40 inisiatif dan salah satu yang mendapat sambutan meluas adalah Smart Selangor Parking atau e-kupon parkir. Kita tukarkan bayaran parkir secara kupon kepada digital menggunakan telefon pintar. Ketika ini ada hampir tiga juta pengguna berdaftar.

Ini membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menambah pendapatan menerusi kutipan bayaran parkir. Kesemua PBT yang caj parkir sudah menggunakan Smart Selangor Parking ini. Bukan bayaran parkir sahaja tetapi boleh bantu bayaran kompaun juga. Selain itu, aplikasi ini dapat mengurangkan penggunaan kertas kupon gores sebanyak 1.5 juta kilogram bersamaan menyelamatkan lebih 21,700 pohon pokok.

Kita kini berada di pertengahan 2023, apakah langkah atau inisiatif SSDU bagi memastikan misi menjadikan Selangor sebagai negeri pintar berdaya huni di Asean menjelang 2025?

Ini satu cabaran kerana SSAP 2025 dibangunkan pada 2018. Dari semasa ke semasa kita kena kaji semula teknologi terkini yang ada pada masa ini. Daripada 40 yang telah dibangunkan ini, pertamanya kita kena pastikan penggunaannya berada di tahap baik. Kedua, apakah perkara baharu yang kita patut ketengahkan dalam SSAP? Contohnya, 'Digital ID' (identiti digital) yang akan kita bangun satu sistem di mana semua rakyat Selangor mempunyai Digital ID dengan masing-masing ada satu log masuk aplikasi yang ada di seluruh negeri. Selain itu, *renewable energy* atau tenaga boleh diperbaharui, sesuatu yang baharu seperti pengeras kenderaan elektrik dan sebagainya juga kita sedang kaji.

Ramai lagi masyarakat di Selangor yang masih belum cakna dengan perubahan arus digitalisasi ini. Bagaimana SSDU menghadapi cabaran ini terutama berkaitan inisiatif-inisiatif digital melibatkan orang awam? Adakah kempen-kempen tertentu dilaksanakan?

SSDU ada pasukan promosi di media sosial, radio dan sebagainya yang akan mempromosikan aplikasi yang kita bangun melibatkan orang awam. Kita terlibat dengan Jelajah Selangor Penyayang, pameran di pejabat tanah dan daerah. Pada 2023, kita beri lebih fokus kepada aplikasi *Citizen E-Payment Platform* atau CEPat di mana pejabat tanah dan daerah memasukkan pembayaran

cukai tanah dan cukai petak dalam aplikasi CEPat itu. Kita buat banyak hebahan dan promosikan aplikasi ini. Kita dapati ada peningkatan dari segi muat turun sejak awal tahun hingga sekarang. Cuma masih belum sampai tahap yang disasarkan, dan promosi akan ditambah lagi.

Penanda aras misi negeri pintar ini pada 2025, boleh kongsi di manakah tahap pencapaian Selangor ketika ini?

Seperti saya jelaskan tadi, kita ada lebih kurang 60 inisiatif yang dimasukkan dalam SSAP 2025. Kita telah selesai bangun lebih kurang 40 aplikasi. Pelaksanaan sudah dibuat, cuma kita perlu tingkatkan usaha supaya penggunaannya bertambah. Dari segi tahap keberadaan, kita sudah lebih separuh daripada apa yang ada dalam SSAP 2025.

Apakah cabaran-cabaran lain dalam menjayakan inisiatif Smart Selangor?

Pertama, cabaran dari segi infrastruktur digital itu sendiri. Kita akui ada tempat yang talian internet perlahan menyebabkan penggunaan aplikasinya terbatas. Kedua, bagaimana kita hendak mengubah cara pemikiran orang ramai menukar cara manual kepada penggunaan aplikasi melalui telefon pintar dan sebagainya. Ketiga, dari segi peringkat persekutuan, apa yang perlu kita selaraskan supaya tidak bercanggah tetapi selari dengan apa dicadangkan atau dijalankan.

Yang terakhir, polisi, tatacara operasi piawai (SOP) dan sebagainya. Saya rasa banyak perkara belum selesai. Contohnya, bagaimana dari segi tadbir urus Digital ID, privasi data, keselamatan siber dan banyak lagi yang perlu diperhalusi.

Satu lagi cabaran yang saya lihat kritikal adalah kos. Untuk bangun satu sistem digital, kosnya agak tinggi tetapi penggunaannya mengambil masa yang lama sebelum dapat pulangan dan sambutan. Jadi, sementara hendak sampai ke tahap penggunaan itu mampu menjana satu pendapatan yang cukup untuk selenggara sesuatu sistem, ia mungkin mengambil masa



Ahmad Akmal Hamzah

	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Kerajaan Pintar	<ul style="list-style-type: none"> Selangor Intelligent Transportation System (SITS) 	<ul style="list-style-type: none"> Smart Selangor Command Centre Intelligent Traffic Monitoring System (ITMS) 		<ul style="list-style-type: none"> Citizen E-Payments App (CEPat) Selangor Intelligent Operations C5i Centre (SIOC) Smart Topography Disease Monitoring & Epidemic Management 	<ul style="list-style-type: none"> Smart Selangor Digital Literacy Initiative 		
Komuniti Pintar	<ul style="list-style-type: none"> Centralised Government Digital Procurement Entity 	<ul style="list-style-type: none"> Intelligent Response System (IRS) Intelligent Disaster Reporting System (IDRS) Communities Online: Citizen Reporting Module Communities Online: Announcement, Local News Smart Selangor Parking (SSP) IoT School, I-station 		<ul style="list-style-type: none"> Tap To Ride also known as Scan To Ride Communities Online: Healthcare Module 	<ul style="list-style-type: none"> COOL: IPR Module Communities Online: Liveability & Wellness Module Centre of Excellence: Government Business Hacks Public Bike Share Selangor Tech Start-Up & Accelerator Programs Food Price Monitor Recycling App: Recycle & Free Barter Talent Open Marketplace for Gig Economy 		<ul style="list-style-type: none"> AWS Educate
Ekonomi Pintar		<ul style="list-style-type: none"> Cashless Society Centre of Excellence: Government Business Hacks Communities Online: Places of Interest & Tourism Modules 	<ul style="list-style-type: none"> Smart Selangor Cloud Accelerator Learning Programme (SCALE) 	<ul style="list-style-type: none"> SME Platform & Marketplace CEPat: E-Wallet 	<ul style="list-style-type: none"> Food Price Monitor 	<ul style="list-style-type: none"> AWS Academy 	
Infrastruktur Digital Pintar		<ul style="list-style-type: none"> Smart Selangor Bus Stop (SSBS) Panic Button (Smart Selangor Bus Stop & Smart Pole) Raw Water Quality Indicator Air Quality Indicator (AQI) 			<ul style="list-style-type: none"> Smart Streetlight (SSL) & Pole Smart Selangor Data Centre (SSDC) 		

panjang. Kita terpaksa keluaran belanja yang agak tinggi untuk sampai kepada tahap di mana ia sudah boleh bertahan. Aplikasi yang sudah capai ke tahap ini adalah SSP manakala yang lain-lain masih memerlukan suntikan dana.

Antara ciri utama terangkum dalam pelaksanaan Smart Selangor adalah menerusi inisiatif Smart Governance dalam SSAP 2025. Boleh ceritakan bagaimana inisiatif Smart Selangor ini membantu Kerajaan Negeri dari segi kelancaran pentadbirannya?

Inisiatif besar yang telah dibangunkan ialah Pusat Operasi Smart Selangor (SSOC) atau dipanggil C5i sebagai pusat operasi. C5i adalah arahan, kawal, komunikasi, berkomputer dan kolaborasi serta kecerdasan untuk bantu Kerajaan Negeri melaksanakan penyelarasan berpusat.

Ia seperti pusat kawalan di mana informasi dari pelbagai tempat disatukan dan disimpan dalam satu tempat. Operasi SSOC kini dijalankan oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dan kita bantu dari semasa ke semasa.

C5i ada informasi berkenaan bencana alam, ramalan cuaca, kebakaran hutan, paras air sungai dan sebagainya. Semua maklumat penting yang kita dapat akan ada di sini dan boleh dilihat dengan lebih jelas terutama berkenaan pengurusan bencana. Satu lagi projek yang kita jalankan adalah SMARTDUN yang ada di lima Dewan Undangan Negeri (DUN). Tahun ini kita cuba bangun ke seluruh 56 DUN. Ini untuk memudahkan rakyat memohon bantuan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan masing-masing.

Dalam pelan menjadikan Selangor sebagai bandar pintar, apakah terdapat bidang lain yang boleh diterokai sebagai potensi baharu untuk dilaksanakan di negeri ini?

Buat masa ini tumpuan kita adalah Rancangan Selangor Pertama (RS-1). RS-1 mementingkan kelestarian, bukan sahaja digital tetapi merangkumi pembangunan, industri dan sebagainya. Pada pandangan saya, SSPA 2025 sudah menjadi sebahagian daripada RS-1. Dari segi digitalisasi, komponen pintar di negeri Selangor dan RS-1 menjadi suatu program yang lebih besar. Dalam konteks ini, kita lihat bagaimana SSDU berperanan untuk menyokong memudahkan pelaksanaan RS-1. Juga peranan kita menyokong rancangan

pembangunan dan projek besar seperti Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA), Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS) dan Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG).

Untuk SABDA, kita akan teliti bagaimana dengan digital boleh membantu pertanian 'digital in agriculture' di Sabak Bernam. Di bahagian selatan pula, IDRISS lebih kepada industri. Jadi, kita kena lihat aplikasi lebih sesuai di situ seperti 'smart pole' yang mempunyai banyak penderia atau sensor.

Daripada 60 inisiatif SSAP itu pula, kita kembangkan mengikut keperluan di SABDA, IDRISS dan juga di Gerbang Maritim Selangor (SMG). Daripada 60 itu juga, mungkin akan bertambah inisiatif baharu yang akan dimasukkan dalam program RS-1 ini.

Apakah projek terkini yang sedang dijalankan oleh SSDU dalam menjayakan inisiatif Smart Selangor?

Sekarang kita masih dalam proses untuk mempopularkan bayaran cukai tanah dan cukai petak dalam aplikasi CEPat. Program ini masih berjalan. Kita juga sudah menjalankan inisiatif SMARTDUN ini kepada lima DUN, iaitu Bukit Melawati, Sungai Tua, Bandar Kinrara, Seri Setia dan juga Banting. Inisiatif ini juga akan dikembangkan lagi kepada 51 DUN di seluruh Selangor.

Mengenai projek baharu, kamera litar tertutup (CCTV) akan dibangunkan dan satu lagi Digital ID sedang dikaji daripada pelbagai sudut kerana ia projek yang besar dan memerlukan sedikit masa. Kita juga sedang melihat bagaimana pusat operasi daerah digital atau SSOC ini dibangunkan di semua pejabat tanah. Kita ada sembilan pejabat tanah di Selangor untuk dinilai keperluan setiap pejabatnya dibangunkan Pusat Operasi Bencana Daerah (DDOC). Inilah antara projek

baharu yang sedang dalam proses untuk dibangunkan.

Adakah terdapat sebarang cadangan pada masa depan untuk bekerjasama dengan mana-mana negara yang sudah maju bagi menjayakan agenda negeri pintar?

Secara spesifiknya, kita tidak fokus kepada negara tertentu tetapi melihat berdasarkan inisiatif itu sendiri kerana masing-masing ada acuan atau keutamaannya tersendiri.

Contohnya, bagi Digital ID kita melihat bagaimana Singapura memajukan penggunaan Singpass. Mereka mengambil masa yang lama untuk sampai ke tahap sekarang yang boleh di akses di telefon pintar. Bagi inisiatif kerajaan pintar pula, kita melihat kejayaan Estonia menggunakan aplikasi dan hampir semuanya digital.

Korea dan Taiwan juga kita lihat menggunakan aplikasi bandar pintar. Konsep bandar pintar ini agak berbeza antara satu tempat dengan satu tempat. Semua ini kita kena lihat mengikut keperluan di Selangor.

Akhir sekali, apakah harapan untuk program Smart Selangor ini pada masa depan?

Paling penting, rakyat dan industri di Selangor mendapat faedah daripada pembangunan negeri pintar ini, urusan dapat dijalankan dengan lebih cekap dan lebih banyak aplikasi digital boleh digunakan. Kedua, kita boleh mainkan peranan untuk beri satu impak yang besar kepada pembangunan RS-1. Ini satu usaha sumbangan yang besar terhadap kejayaan RS-1 itu nanti. Bagi saya, apabila RS-1 dan SSAP jadi sebahagian atau 'sub set' daripada RS-1, kita kena bantu RS-1 untuk bangunkan dari segi digitalnya. Kita faham ada inisiatif itu lebih sesuai dibangunkan oleh pihak swasta, kita alu-alukan. Apa yang penting negeri Selangor dapat merasai kesannya.

Bagi pihak SSDU, kita cuba mulakan tetapi pada masa masa saya mengalu-alukan pihak lain untuk sama-sama bangunkan infrastruktur digital ini. Apa yang penting, kita perlu membiasakan diri menggunakan pakai digital dan merasai kesan digital dalam urusan seharian rakyat keseluruhannya. Ini antara matlamat utama yang kita cuba capai. Mudah-mudahan 2025 ini, kita tidak perlu laksanakan semuanya tetapi ada industri atau pemain swasta yang berjaya bangunkan inisiatif sendiri seperti mana syarikat telekomunikasi yang menjayakan 5G. Ini juga sebenarnya sumbangan ke arah negeri pintar.

Peranan bangunkan negeri pintar bukan terletak pada SSDU sahaja. Jika PBT atau pejabat tanah ada bangunkan aplikasi sendiri ia boleh digabungkan dan ini lebih baik. Kalau dilihat dari segi kos, agak sukar hanya satu pihak bangunkan semuanya. Kita perlukan penglibatan banyak pihak untuk menjayakan negeri pintar. Dengan gabungan inisiatif pelbagai pihak ini, saya harap Selangor lebih cepat maju dari segi digital berbanding negeri lain.

5 AHLI DEWAN NEGERI YANG TERLIBAT DALAM PROJEK SMARTDUN

- Bukit Melawati
- Sungai Tua
- Kinrara
- Seri Setia
- Banting

51 DUN AKAN TERLIBAT UNTUK MASA AKAN DATANG

BN asas, HARAPAN lonjak

Semenjak pada 2008, Selangor telah memulakan langkah reformasi atau islah yang konsisten demi memastikan dasar institusi dan pentadbiran ini melaksanakan agenda perubahan.

Bermula dengan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor, sekarang dikenali Iltizam Selangor Penyayang, dalam lima tahun sahaja kita sudah membelanjakan RM2.3 bilion.

Jumlah besar ini tidak mampu disaingi mana-mana negeri atau permuafakatan politik. Sebab itu, saya yakin dengan tekad dan hala tuju ini. Memang kita diuji tetapi kita buktikan mampu membawa kemakmuran dan kestabilan kepada rakyat di negeri ini.

Malahan kita juga turut buktikan dengan melakukan reformasi institusi dalam penggal pertama lagi terhadap Dewan Negeri Selangor melalui kelahiran beberapa jawatankuasa khas, antaranya Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (SELCAT).

Kita juga tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS), Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT) dan pelbagai lagi jawatankuasa yang meneliti bagaimana pemisahan kuasa di antara badan penggubal perundangan dan eksekutif.

Tujuannya, supaya kerajaan kita berada pada landasan yang betul, dapat menjamin ketelusan.

Selangor menjadi negeri pertama di Malaysia yang melahirkan Enakmen Kebebasan Maklumat, (ilham) Freedom of Information Act, pada penggal pertama.

Dan kita teruskan lagi dengan agenda ekonomi Rancangan Selangor Pertama (RS-1) sebagai bukti bagaimana kesungguhan dan tumpuan kita. Bermula dengan penajajaran, kita tetapkan rancangan lima tahun untuk rakyat Selangor.

KDNK 25.5 peratus

Pada tahun pembentangan itu, RS-1 dibentang pada 2022, ekonomi Selangor menyumbang 25.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar. Lonjakan ini paling tinggi dalam sejarah 15 tahun pentadbiran Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan (HARAPAN) di Selangor.

Ingin saya jelaskan bahawa tekad dalam pembentangan ini, Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad untuk Lima Tahun, berdasarkan hasrat menyambung kejayaan, kecemerlangan dan kemakmuran negeri yang telah kita kecapai.

Lebih-lebih lagi sekarang kita ada agenda perpaduan, HARAPAN dan Barisan Nasional (BN) yang mempunyai tradisi dan sejarah membangunkan Selangor.

Sejarah tidak pernah menipu. Selama berpuluh-puluh tahun Selangor, yang pada mulanya dikenali sebagai bandar kecil, membangun dan dimajukan oleh pemimpin-pemimpin terdahulu yang rata-

ratanya daripada BN membawa kemakmuran ekonomi kepada rakyat.

Apabila berlaku peralihan politik pada 2008, kumpulan-kumpulan induk dalam HARAPAN telah memuncakkan pembangunan ini dengan rencana, agenda baharu, membangunkan industri aeroangkasa, rel atau sains hayat, sebagai contoh.

Program ini semua berjaya menyambung kemajuan negeri. Kita (HARAPAN) menyambung kerja baik yang ditinggalkan oleh BN puluhan tahun yang lepas. Dan kali ini, dua gabungan ini bercantum menjadi satu gabungan yang ampuh, kukuh dan kuat di peringkat persekutuan.

Saya percaya kita boleh gabungkan antara pengalaman silam, dicampur dengan idea, garapan dan anjakan baru yang telah kita laksanakan sehingga mengekalkan Selangor sebagai negeri perpaduan.

Negeri yang mengekalkan kestabilan, yang menjaga keharmonian, yang kekal makmur membangun maju dan moden serta tidak ketinggalan menjaga rakyatnya dengan baik, semuanya mendapat nikmat dan perlu dibantu atau membantu kepada mereka yang kita sangat perlukan.

Ucapan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika melancarkan manifesto Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad untuk Lima Tahun di Seksyen 7, Shah Alam pada 31 Julai

ADVERTORIAL

PKNS, Agrobank bantu luaskan rangkaian niaga

Biaya usahawan hingga RM500,000

Oleh SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Agrobank memeterai kerjasama bagi membantu usahawan mendapatkan modal tambahan sehingga RM500,000.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas berkata, pembiayaan itu membolehkan usahawan BizClub PKNS meluaskan rangkaian perniagaan termasuk memasarkan produk ke luar negara.

"Menerusi modal tambahan ini juga, ia dapat membantu usahawan melaksanakan perancangan perniagaan dari segi pembelian mesin atau penambahbaikan bungkusan," katanya.

Beliau ditemui selepas memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Ketua Pegawai Eksekutif AgroBank, Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin di ibu pejabat PKNS di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, Tengku Ahmad Badli Shah menyasarkan pembiayaan sehingga RM25 juta bagi tempoh dua tahun untuk usahawan mengembangkan perniagaan dan bersedia menambah dana mengikut keperluan.

"Kerjasama strategik ini diharap memberi manfaat kepada golongan usahawan membina perniagaan mereka.

"Kami yakin kepelbagaian produk pembiayaan yang ditawarkan mampu menyelesaikan masalah kewangan golongan sasar," katanya.

Menerusi kerjasama itu, pelbagai program pembiayaan ditawarkan antaranya Pemulih Mikro Kredit, yang melibatkan pembelian aset dan modal pusingan bagi aktiviti berasas pengeluaran makanan.



■ Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas (tiga, kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin (tiga, kiri) menunjukkan memorandum persefahaman yang dimeterai bagi menawarkan pembiayaan kepada usahawan Bizclub PKNS, di ibu pejabat PKNS di sini pada 2 Ogos lalu

■ Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Dato' Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin (kanan) ketika menandatangani memorandum persefahaman (MoU) tawaran pembiayaan kepada usahawan Bizclub PKNS





Prestasi asas tawaran

Manifesto Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad untuk Lima Tahun bukan janji kosong seperti impian pembangkang. Tawaran ini hasil kerja yang sudah terbukti.

Tekad pembangunan Selangor ini yang dijanjikan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) didasarkan pada tapak prestasi

seperti Laporan Pencapaian & Prestasi Kerajaan Negeri Selangor.

Dibahagikan kepada sembilan kumpulan sasar, lima tema tawaran berkenaan dibandingkan dengan sebahagian besar pencapaian Kerajaan Selangor antara 2018 hingga 2023.

Tawaran berkenaan sememangnya menepati kehendak dan keperluan semasa rakyat.

Berbeza dengan janji pembangkang yang belum pasti dapat ditunaikan. Malah, manifesto mereka hasil tiruan atau ubah suai program Kerajaan Negeri, seolah-olah membayangkan pembangkang sudah bersetuju dengan landasan ekonomi HARAPAN-BN.

Lebih 50 tawaran ini dengan mudah mendatangkan kemakmuran untuk seluruh rakyat selagi

kestabilan dan perpaduan dikekalkan di Selangor.

Ringkasan manifesto HARAPAN-BN yang dibandingkan dengan pencapaian Kerajaan Negeri dimuatkan dalam **muka surat 9, 10 12 dan 13.**

Sambutan orang ramai terhadap tawaran dan pencapaian ini dimuatkan pada **muka surat 11 dan 14.**

PEMBERDAYAAN KUMPULAN PENDAPATAN RENDAH

TAWARAN KITA SELANGOR

- tambah 46 inisiatif Iltizam Selangor Penyayang kepada 60 inisiatif
- tingkatkan bayaran khairat kematian kepada RM1,000
- insentif RM1,000 untuk petani dan pesawah

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor	RM300/bulan kepada yang layak untuk beli keperluan	473.8 juta	139,000
Jelajah Ehsan Rakyat (JER)	Jualan barangan keperluan 30% lebih murah dari pasaran	32 juta	8 juta
Skim Insurans Hayat Selangor (INSAN)	Percuma: insurans kemalangan ditanggung kerajaan	12.7 juta	12 juta
Jom Shopping Perayaan	Baucar RM200 kepada B40 sempena perayaan utama	56.6 juta	400,000
Pusat Kehidupan Berdikari	Pusat latihan kerja untuk OKU belajar hidup berdikari	1.4 juta	72

*Jumlah dibundar kepada ratus ribu atau juta terhampir

UMAT ISLAM

TAWARAN KITA SELANGOR

- subsidi kos tunai haji RM2,000 kepada 3,000 jemaah muassasah kali pertama ke tanah suci
- elaun penggerak masjid naik berperingkat iaitu imam (RM1,600), bilal (RM700), siak (500) dan nazir (RM500)
- perkenal Biasiswa Al-Ghazali untuk pelajar tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat
- perluas pengajian kitab turath ke setiap daerah di Selangor
- permudah daftar sekolah menengah agama Islam
- wujudkan peruntukan khas untuk tingkat infrastruktur sekolah agama dan Kafa
- wujudkan sekretariat khas bantu usahawan daftar sijil halal
- dana tambahan RM3 juta untuk dana guaman syariah bantu wanita

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Bina atau baikpulih masjid dan surau	Pembinaan baharu atau tambah baik masjid dan surau	185 juta	78 masjid dan 75 surau
Insentif pegawai dan jawatankuasa masjid	Insentif khas kepada nazir, imam, bilal dan siak	13.4 juta	34,339
Elaun dan gaji guru Kafa	Penyelarasan elaun dan gaji minimum	4.8 juta	2,825
Caruman Perkeso	Caruman Perkeso untuk guru Kafa berulang alik ke tempat mengajar	1.1 juta	4,200
Caruman KWSP	Caruman KWSP untuk guru Kafa	5 juta	4,200
Bantuan Sekolah Negeri Selangor	Baik pulih & baiki infrastruktur sekolah	153 juta	4,000
Iltizam Pendidikan Fardhu Ain	Subsidi yuran Kafa RM30 sebulan kepada murid B40	10 juta	39,000
Insentif jemaah haji muassasah	Insentif kepada bakal haji Selangor yang ke tanah suci	13 juta	26,000



ANAK MUDA

TAWARAN KITA SELANGOR

- tawar 100,000 peluang pekerjaan bergaji tinggi kepada anak muda Selangor menerusi pelaburan tempatan dan luar negara
- peluang latihan industri dengan bayaran RM1,500 untuk 2,000 anak muda Selangor
- tawar latihan TVET kepada 10,000 anak muda dengan kerjasama syarikat berteknologi tinggi
- perluas program Inisiatif Roda Darul Ehsan kepada pemandu e-panggilan
- peruntuk RM5 juta untuk Geran Digital Kita Selangor yang mensasarkan 10,000 Duta Kreatif Kita Selangor dalam kalangan anak muda
- perkasa akademi lahirkan bakat untuk juara Piala Malaysia, SUKMA dan Liga Super pada 2025 dan Piala AFC pada 2027
- perkenal liga e-sukan dan pusat e-sukan di seluruh daerah

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Karnival Kerjaya Mega Selangor	Program tawaran kerja bersama lebih 100 syarikat	1.4 juta	27,000
Iltizam Mahasiswa Selangor	RM1,000 kepada anak Selangor layak ke IPTA/S	18 juta	18,000
Bantuan Yuran Asas Universiti	Kepada anak Selangor B40 & M40 di universiti	4 juta	4,000
Peduli Siswa	Biaya pendidikan anak Selangor di IPTA/S	81 juta	4,000
IKTISASS	Latihan seiring keperluan industri & keusahawanan	107 juta	2,000
Roda Darul Ehsan (RIDE)	Subsidi lesen motor kepada golongan belia dalam e-hailing	8 juta	6,000

MAHASISWA DAN PELAJAR

TAWARAN KITA SELANGOR

- bantuan Mahasiswa Kita Selangor RM1,500 kepada setiap mahasiswa
- baucar Buku Kita Selangor RM200 untuk mahasiswa anak negeri
- sasar 200,000 pelajar terima tuisyen percuma melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor
- tawar kelas percuma untuk pelajari bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Jepun dan Korea
- perkenal Biasiswa Al-Ghazali untuk pelajar tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat
- perluas pengajian kitab turath ke setiap daerah di Selangor
- permudah daftar sekolah menengah agama Islam
- wujudkan peruntukan khas untuk tingkat infrastruktur sekolah agama dan Kafa

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Pusat Tuisyen Rakyat Selangor	Platform belajar atas talian bagi calon SPM & tahun enam	35 juta	167,000
Iltizam Mahasiswa Selangor	RM1,000 kepada anak Selangor layak ke IPTA/S	18 juta	18,000
Iltizam Pendidikan Fardhu Ain	Subsidi yuran Kafa RM30 sebulan kepada murid B40	10 juta	39,000
Bantuan Yuran Asas Universiti	Kepada anak Selangor B40 & M40 di universiti	4 juta	4,000
Peduli Siswa	Biaya pendidikan anak Selangor di IPTA/S	81 juta	4,000
Bantuan Sekolah Negeri Selangor	Baik pulih & baiki infrastruktur sekolah	153 juta	4,000
IKTISASS	Latihan seiring keperluan industri & keusahawanan	107 juta	2,000
SEPINTAS	Program pinjaman komputer bantu pelajar kurang mampu	1.4 juta	600

“Saya pasti tawaran ini akan ditilik oleh lawan kita dalam pilihan raya negeri kali ini daripada Perikatan Nasional. Kemudian mereka akan cuba tiru apa yang kita lakukan. Mereka akan ubah sedikit apa yang kita bentangkan ini kerana realitinya, daripada perjalanan politik, mereka ini hanyalah (kumpulan) 'copy and paste' terhadap apa yang telah ada di dalam negara kita.

Mereka mengaku sebagai suara Melayu, tidak lain tidak bukan hanyalah cuba meniru Umno dan Barisan Nasional. Salinan tawaran ini bukan 'ori' (asli) tetapi 'copy ori' gred C yang tidak layak diberikan taraf untuk mentadbir dan memimpin.

Dato' Seri Amirudin Shari
Pengerusi Pakatan Harapan Selangor

Terbukti berjaya

1 KDNK

Tidak dinafikan pembangunan ekonomi yang semakin memberangsangkan ini didorong pentadbiran yang baik malah keuntungan daripada hasil negeri diberikan semula untuk kesejahteraan rakyat.

Kemajuan ekonomi Selangor juga dapat dinikmati rakyat dan ini dibuktikan melalui pelbagai bantuan dan inisiatif kerajaan.

Hary Abu, 51,
bekerja sendiri



Sebagai rakyat Selangor saya pastinya berbangga melihat pencapaian ekonomi negeri dan menjadi penyumbang terbesar KDNK negara.

Pentadbiran cekap dan meyakinkan mendorong lebih banyak pelaburan di negeri ini sekali gus memberi dampak positif kepada ekonomi di Selangor.

Mohd Azman Ismail, 51,
mutawif



2 BINGKAS

Pada awalnya saya tidak tahu program ini. Bila dengar Kerajaan Negeri buat BINGKAS, memang saya sambut baik dan sokong sepenuhnya.

Apa yang dia (Kerajaan Negeri) buat untuk kebaikan rakyat sebab sekarang pun harga barang semua naik dan membebankan keluarga susah. Saya percaya BINGKAS sangat bermakna untuk kami di Selangor.

M Krishnama, 58,
pembantu kedai



Bersyukur dapat bantuan ini kerana saya sekeluarga hanya bergantung dengan hasil jualan sate yang pendapatannya tidak menentu.


Saya juga tidak lagi risau makan minum anak-anak kerana dengan bantuan BINGKAS saya dapat beli barangan dapur yang cukup setiap bulan.

Sarina Jaini, 40,
peniaga



Dengan adanya bantuan BINGKAS nasib keluarga susah di kampung saya terbelah.

Pemilihan BINGKAS ini juga lebih adil kerana sampai kepada mereka yang betul-betul memerlukan berbanding




bantuan sebelum ini (KISS).

Koh Wee Chee, 45,
pengerusi MPKK

3 JUALAN MURAH

Saya selalu tertunggu-tunggu program jualan murah ini. Kalau trak PKPS datang, saya tahu dapat jimat barang dapur untuk beberapa minggu.

Saya harap Kerajaan Negeri jangan hentikan program ini. Ia sangat bagus kerana kurangkan beban kita.



P Saantha, 36,
suri rumah

Ibu mentua saya selalu pergi Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Olak Lempit sebab memang murah, orang ramai berebut sampai pernah tak dapat (beli).

Saya setuju kalau wujudkan pasar mini untuk JER. Kalau boleh memperbanyakkan lagi kekerapan program jualan murah.

Rosniati Mokhtar, 33,
peniaga



Saya sangat suka jualan murah ini. Tapi saya harap dapat tambahkan lebih banyak barang mentah seperti ayam 1,000 ekor untuk setiap kali jualan.

Kalau wujudkan kedai lagi bagus. Sebagai contoh kedai 'franchise' supaya jadi pusat untuk orang ramai datang. Tak perlu lagi tunggu trak.

Ahmad Fardaus Abdullah, 50,
pesara



Saya lihat usaha Kerajaan Negeri laksana program jualan murah barangan asas memberi kesan besar bukan sahaja kepada rakyat yang berpendapatan rendah namun golongan berpendapatan sederhana.

Inisiatif ini secara tidak langsung bantu cegah masalah kekurangan zat makanan sehingga sebabkan masalah kesihatan serius.

Raja Syazwani Asdayanty Raja Yunus, 31,
jurupulih anggota



4 INSURANS

Inisiatif ini sangat bagus sebab bukan mudah untuk kerajaan beri insurans percuma sebab kosnya mahal.



Tetapi Selangor ambil pendekatan sebegini. Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana prihatin dengan keperluan rakyat.

Hafiya Suen, 62,
peniaga

Skim ini sangat wajar diberi kepada rakyat sebab kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa depan.

Kematian disebabkan kemalangan dan cacat kekal, benda-benda tidak diingini seperti ini datang tanpa diduga.

Zafran Zulkifli, 49,
kaunselor



Apa yang saya nampak Selangor adalah satu-satunya negeri di Malaysia dan Asia Tenggara yang tawarkan perlindungan insurans am untuk rakyat.

Inisiatif ini sangat baik kerana ia antara bukti Kerajaan Negeri berjaya lakukan urus tadbir yang baik kerana hasil kekayaan negeri disalurkan semula untuk manfaat rakyat.

Azhari Azizi, 26,
mahasiswa



5 CUKAI PINTU

Ini merupakan ihsan Kerajaan Negeri kepada warga emas yang kurang mampu seperti saya.

Harap inisiatif pengecualian cukai pintu dikekalkan sampai bila-bila untuk membantu lebih ramai rakyat.

Zabedah Awang, 68,
suri rumah



Memang sangat membantu golongan pesara yang tidak lagi bekerja dan hanya berharap wang pencen.

Semoga Kerajaan Negeri sekarang dikekalkan agar rakyat memerlukan terus dapat menikmati pelbagai kemudahan.

Aminudin Ismail, 58,
pesara



Langkah yang baik kerana legakan penduduk kampung yang menetap di pinggir bandar.

Lebih melegakan kerana ketika kos hidup yang semakin tinggi ada komitmen yang dapat pengecualian.

Razak Dahlan, 63,
pesara





PENERIMA MANFAAT KESIHATAN

TAWARAN KITA SELANGOR

- khidmat Ambulans Selangor Penyayang percuma di setiap pihak berkuasa tempatan
- perluas pemeriksaan percuma Selangor Saring dan program kesihatan mental menerusi aplikasi SELangkah

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Iltizam Selangor Sihat	Khidmat rawatan asas & perlindungan insurans	227.5 juta	1 juta
Selangor Saring	Percuma: saring tekanan darah, air kencing, gula	2.6 juta	29,000
Selangor Mental Sihat	Saringan awal, subsidi rawatan psikiatri, latihan kaunselor	3.3 juta	530,000
Bantuan Sihat Selangor	Dialisis, alat perubatan, katarak mata, bedah kecil, kaki palsu	30 juta	11,000
Pemeriksaan Kesihatan Mata	Percuma: pemeriksaan mata	200,000	10,000
Ujian Saringan Kanser (SELCan)	Percuma: saringan kanser prostat, kolorektal & rahim	3 juta	9,000
Rawatan tibi	Bantuan kewangan kepada pesakit tibi	4.3 juta	3,000
Skim Kesihatan Wanita MammoSEL	Percuma: mammogram, biopsi & ultrabunyi bagi usia >50	1.1 juta	2,000
Skim Rawatan Jantung	Bantuan kos rawatan jantung sehingga RM50 ribu	32 juta	2,000
Anak Selangor Anak Sihat (ASAS)	Bantuan nutrisi kepada kanak-kanak	2.5 juta	2,000

WANITA & KANAK-KANAK

TAWARAN KITA SELANGOR

- insentif RM1,000 setahun kepada wanita bekerja kurangkan kos asuh anak
- daftar dan latihan pengasuh serta sediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak di pejabat kerajaan
- sedia insentif untuk wujudkan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja swasta
- dana tambahan RM3 juta untuk dana guaman syariah bantu wanita

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Skim Bantuan Tadika Selangor	Bantuan yuran tadika bagi anak berumur 5 & 6 tahun sebanyak RM50 sebulan	13 juta	21,000
Iltizam Anak Selangor	Buka akaun SSPN Prime bagi anak lahir mulai tahun 2022 di negeri Selangor, RM100 setahun selama 5 tahun	3 juta	6,000
Asuh Pintar	Bantuan yuran bulanan taska RM100 sebulan kepada anak bawah 4 tahun dari keluarga B40	2.3 juta	3,000
Skim Kesihatan Wanita MammoSEL	Percuma: mammogram, biopsi & ultrabunyi bagi usia >50	1.1 juta	2,000
Iltizam Anak Selangor Istimewa (ANIS)	Bantuan khusus golongan berkeperluan khas di Selangor	10.3 juta	4,000
Dana Bantuan Guaman Selangor	Khidmat guaman percuma bagi kes keluarga & kerja	1.3 juta	31
IMPAK Selangor	Kursus pengasuhan kanak-kanak buat wanita yang mengasuh di rumah	194,000	350

USAHAWAN

TAWARAN KITA SELANGOR

- wujudkan sekretariat khas bantu usahawan daftar sijil halal
- bantu peniaga beralih ke sistem digital

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Skim Hijrah Mikrokredit	Pinjaman mikrokredit bermula dari RM5 ribu hingga RM10 ribu kepada usahawan	3 juta	37,000
Pengecualian fi lesen penjaja	Untuk penjaja & peniaga kecil di kawasan PBT Selangor	TD**	496,000
Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri	Bantuan berbentuk mesin dan peralatan kepada usahawan kecil sehingga RM10 ribu	12.2 juta	2,000
Dana Usahawan Mikro Selangor	Bantuan perniagaan berbentuk peralatan bernilai sehingga RM30 ribu	13.3 juta	700
Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (I-SEED)	Bantuan berbentuk mesin dan peralatan kepada usahawan komuniti India sehingga RM10 ribu	4.6 juta	600

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak

TAWARAN KITA SELANGOR
5 TEKAD UNTUK 5 TAHUN



MENCARI KEDIAMAN SELESA

TAWARAN KITA SELANGOR

- tawar 200,000 unit rumah lengkap tiga bilik dan dua bilik air berharga RM250,000 ke bawah
- sedia 10,000 unit rumah penjawat awam
- pilihan tukar cukai petak dan utiliti air kadar komersial kepada kediaman untuk rumah pertama
- ambil alih pengurusan satu pangsapuri kos rendah setiap daerah untuk tingkat kualiti dan baiki kemudahan awam
- teknologi automasi untuk kutipan sampah
- tawar sistem pengasingan sisa di kawasan perumahan
- bina pusat rekreasi di setiap Dewan Undangan Negeri
- tingkatkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi awam
- tingkatkan daya tahan taman awam sebagai dwifungsi bagi mengurangkan banjir kilat
- wujudkan tiga perbandaran baharu di Sepang, Sabak Bernam dan sepanjang jajaran Sungai Klang

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Pengecualian cukai pintu	Kepada pemilik rumah kampung & kos rendah	TD**	2.5 juta
Skim Rumah Selangorku	Kediaman mampu milik pada harga berpatutan kepada pembeli pertama	TD**	26,000
Insurans Pangsapuri Kos Rendah	Beri polisi perlindungan bencana alam, kerosakan bangunan, dan sebagainya	3 juta	39,000
Skim Smart Sewa	Sewa pada kadar berpatutan, sewa dipulangkan 30% sebagai wang pendahuluan beli rumah	255 juta	782
Selangorku To Ownership	Pemilikan rumah Selangorku bagi menyelesaikan isu setinggalan	11 juta	250
Program Bina Baru & Baik Pulih Rumah Kerajaan Prihatin	Bina rumah & baik pulih rumah yang alami kerosakan	3 juta	38
Skim Ceria	Baiki kerosakan di pangsapuri kos rendah, khususnya kerosakan ancaman keselamatan	50 juta	48

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak

EKONOMI, PENGGUNA PENGANGKUTAN DAN PENGHUNI BANDAR

TAWARAN KITA SELANGOR

- pusat sehati khas setiap PBT atasi isu kritikal dalam 24 jam
- Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang jadi model pentadbiran Lembah Klang Raya (Greater Klang Valley)
- perluas khidmat bas mini dan van ke seluruh daerah
- hubung jajaran rel di KLIA ke Tanjong Sepat dan Sungai Pelek
- perkhidmatan rel di Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam
- tubuh pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Pelabuhan Klang
- kurangkan kesesakan trafik menggunakan sistem pengurusan diamalkan Korea Selatan dan Singapura
- peruntuk RM100 juta tingkat mutu jalan di luar bandar
- wujudkan 5,000 pusat pengecasan berkuasa tinggi di kawasan awam untuk kereta elektrik
- lengkapkan panel solar di bangunan kerajaan dan PBT
- wujudkan taman perindustrian mampan untuk jadi negeri neutral-karbon
- urusan kerajaan menggunakan sistem digital sepenuhnya
- bangunkan pertanian moden, aeroangkasa, rel dan bas elektrik, perkhidmatan 5G, robotik, automasi, kecerdasan buatan, tenang boleh diperbaharu serta e-sukan
- lengkapkan keterhubungan 5G, jadi negeri tercekap di Asia Tenggara

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Smart Selangor Parking	Pembayaran parkir guna aplikasi pintar	TD**	2.6 juta
Turap jalan	Kerja turap babit jalan negeri seliaan JKR dan Infracel	50 juta	TD**
Bas Smart Selangor	Percuma: bas di seluruh negeri	163 juta	51 juta
Khidmat van DRT	Perkhidmatan van transit atas permintaan memenuhi keperluan penduduk	3 juta	TD**

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak



Tingkat upaya rakyat

1 ISLAM

Kita rasa tawaran yang diberikan sangat baik kepada pentadbir masjid kerana mereka adalah tunjang pengimarah masjid di Selangor.

Kenaikan elaun ini akan memberi semangat agar mereka dapat bertugas dengan lebih baik daripada sebelumnya. Ia imbuhan yang sesuai kepada mereka.

Mohd Hidayah Dol Hamid, 34, imam

Kenaikan elaun ini sebagai motivasi kepada pentadbir masjid untuk bertugas dengan lebih baik lagi. Mereka berasa dihargai oleh kerajaan.

Ini membuktikan kerajaan mendengar keluhan sekali gus menghargai pentadbiran masjid menjadikan masjid sebagai penyatuan.

Mohamad Amiruddin Sarmany, 50, nazir

Perkara baik (subsidi tambang haji) ditawarkan Pakatan Harapan sekiranya mereka menang ini sangat menarik untuk orang Islam. Tidak kira RM1,000 atau RM2,000, jumlah itu banyak.

Idea baik macam ini hanya datang daripada pemimpin prihatin dekat rakyat sahaja. Negeri lain payah nak dapat, Selangor sahaja yang ada. Mungkin sekarang dia (Kerajaan Negeri) bagi RM2,000, akan datang mungkin dapat lagi banyak.

Adibah Baharudin, 68, suri rumah

Kita menyambut baik tentang berita cadangan (kenaikan elaun) tersebut dan kita berharap ia direalisasikan kalau menang nanti.

Saya percaya kenaikan tersebut, pegawai masjid mesti akan lebih menghargai dengan keprihatinan (Kerajaan Negeri) dan kerja dengan lebih komited.

Ahmad Pauzi Mhd Noor, 64, nazir

Tawaran itu memang menampilkan keprihatinan Kerajaan Negeri kepada rakyat dan sebagai orang Selangor, saya rasa cukup bertuah dengan semua manfaat diberikan.

Paling menarik minat saya adalah pemberian subsidi tambang haji RM2,000 kepada 3,000 jemaah haji.

Insya-Allah jika dapat peluang mengerjakan haji, subsidi ini memang rezeki yang tidak disangka-sangka.

Norzailah Ismail, 50, perunding

2 ANAK MUDA & SUKAN

Memandangkan negara mempunyai lambakan graduan, peluang pekerjaan berpendapatan tinggi wajar dilaksanakan mengambil kira kos sara hidup, keperluan pasaran dan sosial negara sesuai dengan tahap pendidikan dan kemahiran.

100,000 peluang pekerjaan menunjukkan jumlah yang besar, saya yakin graduan akan memanfaatkan peluang dan ruang yang diberikan selain merapatkan jurang pengangguran graduan semasa.

Adibah Azman, 24, pelajar

Saya merupakan pelajar yang mendapat bantuan pinjaman daripada Yayasan Selangor yang akhirnya menjadi tajaan atas keputusan cemerlang.

Saya masih bekerja sambil dan mencari peluang sesuai dengan kelulusan saya sebagai pemegang ijazah sarjana muda psikologi. Jadi peluang yang bakal diberikan membuka ruang lebih besar kepada anak muda.

Fawwaz Ameer Anuar, 24, graduan

Sebagai peminat bola sepak, menjadi impian untuk melihat pasukan Selangor FC menjulang kejuaraan Liga Super dan Piala Malaysia.

Dengan usaha dan perhatian diberikan Kerajaan Selangor nanti, kami sebagai peminat akan sentiasa menyokong Selangor FC sehingga berjaya.

Mohd Fazli Shaif, 45, juruteknik

Dulu mereka bagi bantuan untuk penghantar p-panggilan, sekarang pemandu e-panggilan pula. Memang (Kerajaan) Selangor jaga sungguh rakyatnya.

Mereka tahu rakyat ini hidup susah sampai kena buat dua tiga kerja sampingan untuk tampung hidup. Kalau boleh negeri lain pun ambil contoh.

Khairul Yusof, 45, peniaga

3 PENDIDIKAN

Ramai pelajar tercicir dan tidak berminat ke sekolah kerana tidak faham apa yang diajar. Dengan tuisyen percuma mereka dapat belajar dan kuasai subjek lemah kerana dapat perhatian guru.

Jadi kita dapat elak pelajar berhenti sekolah (drop out) daripada terlibat dalam gejala sosial yang akhirnya akan memudaratkan masyarakat.

Choong Yuen Loy, 72, pesara

Usaha sediakan tuisyen percuma untuk 200,000 pelajar sekolah rendah dan menengah dilihat bantu melonjakkan prestasi kecemerlangan golongan sasar khususnya dari B40.

Dengan adanya program ini pelajar miskin kini dapat fahami subjek yang dipelajari dan ia diyakini mampu rapatkan jurang akademik pelajar miskin dengan kaya.

Dr Sathia Rooban Seenavasnam, 34, petugas kesihatan

4 WANITA & KEBAJIKAN

Insentif (RM1,000) ini seharusnya memberi banyak kelegaan kepada golongan ibu bekerjaya yang menjadi tonggak utama dalam kesejahteraan keluarga masa ini.

Kos sara hidup semakin meningkat sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban keluarga terutama kos penjagaan anak.

Noraihan Zainuddin, 40, pengurus syarikat

Kos perbelanjaan anak antara yang perlu diambil kira ibu dan bapa apabila mereka bekerja.

Dengan adanya insentif wanita bekerjaya ini sekurang-kurangnya ia mengurangkan rasa 'resah' memikirkan perbelanjaan penjagaan anak.

Nurulfarashah Jamil, 35, pekerja swasta

Alhamdulillah, Dato' Menteri Besar nampak keadaan ini dengan beri RM1,000 untuk pesawah. Dapatlah ringan beban petani yang kebanyakan tidak mampu.

Dapatlah beli racun, baja dapatlah tampung sikit belanja. Kalau dulu hasil agak bagus sikit tetapi sekarang menurun, adalah RM200, RM300 lebih sebulan.



Saidin Hussin, 60, pesawah

5 EKONOMI

Tawaran yang bagus untuk memudahkan penduduk bergerak memandangkan Selangor tidak banyak pengangkutan awam seperti monorail.

Usaha ini juga dapat bantu kurangkan kesesakan lalu lintas.

Nurul Huda Azman, 28, pekerja swasta





Penyandang cekap atasi masalah

HULU LANGAT - Penyandang kerusi Sungai Ramal disifatkan sebagai wira rakyat yang pantas turun padang untuk memberi bantuan atau menyelesaikan masalah rakyat.

Muhammad Sam Manap, 47, yang mengusahakan ternakan ikan keli kecil-kecilan mendapati Mazwan Johar (foto) pantas bertindak sama ada secara langsung atau di media sosial apabila menerima aduan.

Beliau menjelaskan Mazwan rajin bekerja untuk rakyat termasuk membantu orang seperti beliau yang tiada pekerjaan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"YB (Yang Berhormat) beri modal untuk saya usahakan ternakan ikan keli

dan sekarang hasil pulangan itu boleh bertahan untuk tampung kos sara hidup keluarga.

"Mazwan macam kilat, Superman. Kita ada mata boleh tengok. Biasanya selepas terima aduan, orang lain datang esok, lusa tapi dia (Mazwan), adu pagi ini, tengah hari sampai," katanya.

Beliau ditemui pada 2 Ogos ketika Mazwan menziarahinya yang kematian anak akibat nahas motosikal di kediamannya di Flat Jubli Perak, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi di sini.

Sementara itu, Mazwan mengambil berat luahan Mohamad Sam yang mengusahakan ternakan ikan keli berhampiran rumah pangsa tersebut un-

tuk memperoleh status kebun komuniti dalam kawasan.

"Beliau minta bantuan saya untuk cari kerja, sekarang sudah usahakan ternakan keli, dan ada simpanan, cuma nak menjadikan tempat itu sebagai kebun komuniti.

"Yang ini perlu dapat daripada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), jika saya kekal jawatan sebagai wakil rakyat, saya akan cuba bantu untuk naik taraf tempat itu," katanya.

Mazwan daripada Pakatan Harapan berdepan saingan Mohd Shafie Ngah daripada Perikatan Nasional dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos ini.

Dalam pilihan raya lalu, Mazwan meraih 24,591 undi menewaskan Nushi Mahfodz dari PAS dan Abdul Rahim Mohd Amin daripada Barisan Nasional.



Khidmat ambulans percuma

Cadangan bina hospital baharu

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA LANGAT - Penyandang kerusi Tanjong Sepat Borhan Aman Shah mahu memba-
wa cadangan pembinaan hospital baharu di Tanjong Rhu di sini kepada Kementerian Kesihatan.

"Antara kawasan Tanjong Sepat ke Sungai Pelek, ada tanah rizab seluas 23 ekar di Tanjong Rhu. Kita akan cadang kepada kerajaan persekutuan bawah Kementerian Kesihatan," katanya.

Menjelaskan akses kesihatan antara tumpuannya, beliau berkata fokus itu selari teras kelima tawaran

Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) yang diumumkan baru-baru ini.

Beliau menambah perkhidmatan ambulans percuma yang digerakkan sejak 2021 juga diteruskan untuk meningkatkan aspek kebajikan orang ramai khususnya golongan berpendapatan rendah.

"Sebelum ini, hanya saya yang

buat perkhidmatan ambulans percuma dan saya sarankan kepada Dato' Menteri Besar untuk laksanakan di setiap pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tujuan perkhidmatan ini kerana kawasan saya ke Hospital Banting makan masa hingga setengah jam. Ia juga membantu pesakit terutama kritikal untuk membayar kos mencecah RM500," katanya.

Menang kerusi tersebut dengan majoriti 9,828 undi pada pilihan raya umum lalu, 12 Ogos ini beliau berdepan Sabirin Marsono dari Perikatan Nasional dalam saingan dua penjur.



Naik taraf tujuh kampung tradisi

GOMBAK - Menaik taraf kemudahan asas tujuh kampung tradisi antara tumpuan calon Barisan Nasional (BN) kerusi Gombak Setia jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Datuk Megat Zulkarnain Oardin yang pengerusi BN Selangor juga menyuarakan rancangan untuk membangunkan perumahan kos rendah di kawasan tersebut.

"Sekarang ini banyak anak muda di sini berhijrah ke luar terutama selepas berkahwin untuk mencari penempatan mampu

milik, justeru saya akan perjuangkan perkara itu jika dipilih.

"Jika Kerajaan Negeri sedia ada kekal memerintah, perkara ini dapat dilaksana kerana Dato' Menteri Besar ada kesungguhan untuk memberi penyelesaian kepada rakyat," katanya.

Kampung terlibat antaranya Kampung Sungai Pusu, Kampung Sungai Chinchin dan Kampung Changkat.

Megat Zulkarnain juga mahu menyelesaikan masalah pembuangan sampah haram yang giat dilakukan pihak luar di Kampung Tengah

Lembah dan Gombak Jaya.

Beliau turut menyeru pengundi supaya menyokong gabungan parti yang mampu membela kebajikan rakyat sekali gus menolak politik kebencian hingga boleh menggugat keharmonian negeri.

"Jangan biar politik jijik, kotor dan kebencian melampau bertapak di Selangor. Ini bumi berdaulat, kita ada cara pilih pemimpin serta rai demokrasi," katanya.

Dalam PRN pada 12 Ogos, beliau berdepan penyandang kerusi Mohd Hilman Idham daripada Perikatan Nasional dan Mohd Salim Mohd Ali (Bebas).



Tawar pesara askar peluang niaga

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan kerusi Bukit Melawati Thiban Subbramaniam mahu membantu golongan pesara tentera mendapat kemudahan peluang berniaga bagi menyara kehidupan mereka.

Bekas pegawai tugas khas menteri ekonomi itu juga mahu mencadangkan kerajaan supaya menubuh koperasi termasuk menyediakan tapak untuk pertanian, perikanan dan berkaitan keusahawanan.

Beliau juga mahu mengatasi masalah kesukaran veteran tentera mendapat pengangkutan ke Hospital Sungai Buloh dan Tanjung Karang jika memerlukan rawatan.

"Saya mahu wujudkan program jaga kesihatan untuk mereka. Tetapi cabaran terbesar adalah kedua-dua hospital agak jauh, bukan semua orang ada kenderaan untuk ke sana," katanya yang berdepan saingan calon Perikatan Nasional Noorazley Yahya.

Tingkat pemodenan sedia ada

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Seri Setia Dr Mohammad Fahmi Ngah berazam untuk mempertingkatkan lagi pemodenan sedia ada di Selangor jika diberi mandat.

Beliau yang juga pengarah urusan Institut Penyelidikan Selangor mahu membawa masuk lebih banyak kaedah sedemikian sekali gus meningkat kecekapan urusan perkhidmatan berkaitan rakyat.

"Kaedah moden itu sudah ada jika kita boleh bawa masuk, (ia) selesaikan banyak perkara," katanya dalam wawancara bersama Free Malaysia Today, baru-baru ini.

Dr Mohammad Fahmi menggesa anak muda menguasai keupayaan intelek termasuk bahasa Inggeris.

Sedia skim rumah untuk anak muda

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan kerusi Permatang tekad membantu generasi muda untuk miliki rumah sendiri jika terpilih dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Mohd Yahya Mat Sahri yang mesra dikenali sebagai Pak Ya bercadang untuk mewujudkan Skim Rumah Permatang Madani yang menampilkan penempatan mampan dan berteknologi hijau.

"Generasi muda Permatang berdepan ketidakmampuan memiliki rumah sendiri ekoran harga hartanah di Selangor yang tinggi dan sukar dapat pinjaman perumahan dari institusi kewangan.

"Saya akan berunding dengan pentadbiran negeri, syarikat milik Kerajaan Negeri dan persekutuan bagi menampilkan skim tersebut," katanya dalam sidang media pada 1 Ogos.

Mohd Yahya akan disaingi Nurul Syazwani Noh daripada Perikatan Nasional.



Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ceramah Kita Selangor Arus Merah Kuning DUN Semenyih di Beranang, Hulu Langat pada 1 Ogos



Calon Paya Jaras Mohd Khairuddin Othman membantu penduduk ketika program Jualan Ehsan Rahmah di Sungai Buloh, Shah Alam pada 2 Ogos



Calon Tanjong Sepat Borhan Aman Shah bersama warga emas di Kampung Ladang Batu, Sepang pada 3 Ogos



Calon Sungai Kandis Mohd Zawawi Ahmad Mughni mengunjungi warga emas di Kampung Bukit Naga, Shah Alam pada 3 Ogos



Calon Dengkil Noorazli Said menyapa anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Cyberjaya, Sepang pada 2 Ogos



Calon Meru Mariam Abdul Rashid mengedar risalah di pasar malam Batu 8 Jalan Iskandar, Klang pada 1 Ogos

Yakin peluang menang utara negeri

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) di utara negeri yakin berupaya menang meski pembangkang menyuarakan keyakinan mendominasi kawasan itu.

Calon BN kerusi Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail percaya sikap berlebihan Perikatan Nasional (PN) kononnya mereka menyapu bersih semua kerusi di wilayah itu bakal memakan diri.

"Keyakinan PN terlalu tinggi hingga terlupa sentimen anak tempatan iaitu penduduk percaya calon yang lebih memahami isu setempat dan memba-wa masalah mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Pastinya hanya anak tempatan yang lebih mengerti serta faham landskap DUN tersebut," katanya seperti dilapor Bernama.

Calon HARAPAN kerusi Sekinchan Ng Suee Lim pula yakin gabungan itu mampu meraih kemenangan jika semua anggota dan jentera parti bekerjasama mendekati pengundi sebagai satu pasukan.

Beliau yakin HARAPAN-BN mampu mengatasi gelombang yang cuba diteruskan PN sejak mereka memenangi beberapa kerusi parlimen di utara negeri itu pada pilihan raya umum (PRU) lalu.

"Dengan rekod pentadbiran Kerajaan Negeri serta tawaran manifesto Selangor yang diumumkan baru-baru ini, saya yakin rakyat dapat membuat

penilaian terbaik sebelum memberi undi.

"PRU lepas kita bertanding sesama sendiri tetapi saya yakin penyokong HARAPAN dan BN memberi sokongan atas semangat kekalkan pentadbiran negeri seiring kerajaan persekutuan," katanya.

Calon BN kerusi Sungai Burong Mohamad Khir Ramli percaya gabungan itu memberi kekuatan tambahan kepada jentera peringkat akar umbi untuk mengekalkan kemenangan di kawasan tersebut.

"Kalau sebelum ini jentera kita yang bergerak berasingan pun kuat memberi saingan, pastinya 'perkahwinan' HARAPAN-BN menjadikan kita lebih kuat dalam menggempur lawan," katanya.



Beri pengecualian cukai

Gigih selesai isu hak milik kediaman

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan Sungai Kandis menyelesaikan hak pemilikan strata kediaman dan premis perniagaan di pangsapuri Taman Sri Andalas, Klang yang berlarutan lebih 25 tahun.

Penyandang kerusi berke-nanan Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata pemilik 52 daripada 159 blok mendapat hak milik itu mulai

17 Jun manakala bakinya dalam satu atau dua bulan lagi.

Katanya, Majlis Perbandaran Klang serta Pejabat Tanah dan Galian daerah itu juga mengecualikan cukai berkaitan yang tertunggak lebih RM1 juta kepada penduduk dan pemilik premis perniagaan.

EXCO negeri menjelaskan masalah melibatkan 1,123 unit itu diaju kepadanya sekitar 2019 sebelum urusan berkenaan diselesaikan sepenuhnya pada

Jun selepas mengatasi cabaran sukar.

Beliau mengakui mengambil masa hampir empat tahun berikutan pandemik selain pelbagai isu lain antaranya pemaju telah gulung tikar manakala pelan atau reka bentuk bangunan asal hilang.

"Di sini cabaran bermula, bagaimana untuk mewujudkan pelan reka bentuk, akhirnya syarikat perunding melantik syarikat arkitek untuk melukis semula bangunan ini.

"Saya hadir lebih 10 mesyuarat koordinasi (bersama pelbagai agensi) untuk memastikan hak pemilikan strata (ini) selesai," katanya pada 1 Ogos.



Baiki capaian internet di kampung

GOMBAK - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Taman Templer bertekad untuk membantu masyarakat Orang Asli di Kampung Bukit Lagong memperoleh liputan internet lebih baik.

Anfaal Saari yang juga naib ketua Wanita HARAPAN Nasional menjelaskan cadangan menaik taraf kemudahan berkenaan berikutan capaian di kawasan tersebut terbatas.

Beliau mengakui kos pemasangan komunikasi itu melibatkan perbelanjaan besar tetapi keutamaan perlu diberi terhadap pendidikan kanak-kanak di kampung itu, meski ia didiami 174 orang.

"Kita akan bawa perkara ini untuk perhatian Menteri Komunikasi dan Di-

gital Fahmi Fadzil untuk tindakan lanjut," katanya pada 3 Ogos.

Beliau percaya capaian internet yang luas di kampung berkenaan yang kedudukannya tidak jauh dari pusat bandar dapat membantu anak-anak masyarakat Orang Asli meneroka dunia luar.

"Justeru, saya berhasrat menekankan aspek pendidikan dengan beri akses supaya mereka dapat lihat dan corak masa depan lebih baik," katanya.

Anfaal yang juga anak bekas wakil rakyat Hulu Kelang Saari Sungip mahu meneliti aduan penduduk di situ me-



ngenai hasil hutan yang didakwa semakin berkurangan seterusnya mencari penyelesaian.

Sebelum ini, beliau berjanji untuk mencari penyelesaian isu kesesakan lapan kilometer dari Caltex Selayang Pandang sehingga ke Rawang Bypass antara jam 6.30 hingga 9.30 pagi dan 3.30 petang hingga 7 malam pada hari bekerja.

Anfaal berdepan saingan tiga penju-ru melibatkan calon Perikatan Nasional Zaidy Abdul Talib dan Aida Rahman daripada Parti Ikatan Demokratik Malaysia (Muda).

Black bantu kempen di Sungai Air Tawar

SABAK BERNAM - Penyanyi popular Black Hanifah turun membantu kempen calon Barisan Nasional (BN) kerusi Sungai Air Tawar pada 2 Ogos.

Black atau nama sebenarnya Hanifah Muhammad Hanafiah berkata beliau membantu Datuk Rizam Ismail bukan atas dasar politik namun nilai persahabatan dengan penyandang kerusi itu.

"Saya rasa bertanggungjawab untuk memberitahu penduduk di sini untuk memilih Datuk Rizam kerana sepanjang mengenalinya, saya tahu beliau seorang yang kuat bekerja dan komited dalam melaksanakan tugas yang dipikul," katanya seperti dilapor Bernama.

Rizam disaingi calon Perikatan Nasional Mohamad Zaidi Selamat dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Tubuh koperasi bela guru Kafa

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan kerusi Paya Jaras bercadang untuk menubuhkan koperasi khas untuk kebajikan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mohd Khairuddin Othman berkata hasil koperasi diperoleh menerusi penanaman cili seluas suku ekar di Kampung Kubu Gajah yang dijangka mampu meraih keuntungan bulanan sehingga RM12,000.

"Saya beberapa kali mencadangkan agar satu koperasi guru Kafa dan guru Kemas ditubuhkan bagi menjana pendapatan, sekali gus memperkasa kebajikan guru kedua-dua sekolah tersebut.

"Susulan itu, saya akan memohon kepada Institut Kemajuan Desa sebidang tanah untuk diusahakan dengan tanaman seperti cili dan hasil pendapatan itu dibawa semula ke koperasi," katanya.

Tingkat kemudahan orang Asli

HULU LANGAT - Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Semenyih Wan Zulaika Anua berazam untuk meningkatkan mutu kemudahan awam di penempatan Orang Asli demi kesejahteraan mereka.

Beliau juga bercadang untuk menyediakan pusat komputer selain melantik guru bahasa Inggeris untuk mengajar anak Orang Asli seterusnya meninggikan tahap pendidikan mereka.

"Saya mahu pastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam pelajaran. Jika saya dipilih sebagai wakil rakyat, saya telah merangka gerak kerja untuk masyarakat Orang Asli.

"Saya berjanji memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk Semenyih" kata calon berusia 49 tahun itu ketika beramah mesra dengan masyarakat Orang Asli di Eco Venture pada 3 Ogos.



Calon Sungai Tua Dato' Seri Amirudin Shari menyampaikan amanat kepada komuniti India di Batu 8, Gombak pada 5 Ogos



Calon Semenyih Wan Zulaika Anua mengedar risalah kepada pengunjung di tapak pasar Malam Desa Sri Jenaris, Hulu Langat pada 2 Ogos



Calon Permatang Mohd Yahya Mat Sahri mendekati pengunjung Jualan Ehsan Rahmah di Kampung Sawah Sempadan, Kuala Selangor pada 1 Ogos



Calon Bukit Melawati Thiban Subbramaniam menziarahi warga emas di Kampung Teluk Penyamun, Kuala Selangor pada 2 Ogos



Calon Taman Templer Anfaal Saari bermesra dengan penduduk di medan selera Selayang Baru, Gombak pada 2 Ogos



Calon Jeram Datuk Jahaya Ibrahim mengunjungi Klinik Desa Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor pada 2 Ogos

Perkasa TVET untuk anak muda

PETALING JAYA - Calon Pakatan Harapan kerusi Taman Medan Ahmad Akhir Pawan Chik berazam memperkasa program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk golongan belia di situ.

Beliau menyedari keperluan untuk membangunkan program berkenaan bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan berkemahiran tinggi pada masa depan di negara ini.

Katanya, banyak program berkaitan sektor tersebut akan didedahkan kepada anak muda meliputi latihan bengkel,



elektrik dan pemasangan solar. "Ini (TVET) latihan yang penting untuk kita terus membina kehidupan anak-anak pada masa depan.

Jadi saya harapkan program ini berjalan dengan baik.

"Saya percaya jika dilaksanakan ia akan memberi ruang kepada anak muda kawasan ini untuk meneruskan kesinambungan hidup mereka," katanya dalam ceramah di Taman Medan Cahaya pada 4 Ogos.

Bekas ahli majlis Zon 18 itu juga mengajak rakyat untuk membuat pilihan bijak dalam pilihan raya negeri ber-

pandu kepada komitmen pentadbiran yang giat menjayakan pelbagai inisiatif.

Memberi contoh Skim Insurans Am Selangor (INSAN) yang diberi percuma, beliau berkata hampir enam juta rakyat sudah didaftarkan secara automatik untuk mendapat perlindungan insurans.

INSAN diperkenalkan tahun lalu bagi melindungi penduduk berusia antara 30 hari hingga 80 tahun dengan premium ditanggung sepenuhnya Kerajaan Selangor.

Skim itu memberi perlindungan sehingga RM10,000 bagi kes hilang keupayaan kekal dan kematian disebabkan kemalangan.

Tumpu naik taraf jalan raya

GOMBAK - Masalah tampalan jalan raya kurang memuaskan sekitar Keramat di sini antara yang diberi perhatian calon Pakatan Harapan Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli.

Katanya, isu tersebut melibatkan tampalan pada laluan sekitar AU1 hingga AU5 ekoran projek penggantian paip bawah tanah Indah Water Konsortium (IWK) yang berlarutan lebih tujuh tahun.

Menjelaskan kerja pembaikan itu projek persekutuan, beliau percaya ia dapat diatasi segera berikutan kerajaan peringkat negeri dan Putrajaya kini sehaluan.

"Oleh sebab Selangor dan kerajaan persekutuan sekarang sama, tugas saya untuk membantu lebih mudah jika dipilih sebagai wakil rakyat," katanya ketika ditemui di Taman Melawati.

Juwairiya yang juga setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar turut memberi tumpuan kepada pembangunan wanita dan anak muda di Dewan Undangan Negeri tersebut.

Beliau bersaing dengan Pengerusi Perikatan Nasional Selangor Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang berpindah dari DUN Bukit Antarabangsa (Perikatan Nasional).

Kerajaan sehaluan

Bawa suara rakyat ke Putrajaya

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KUALA SELANGOR - Calon Barisan Nasional (BN) kerusi Jeram Datuk Jahaya Ibrahim mahu membawa isu kekurangan kemudahan asas di Puncak Alam di sini ke peringkat kerajaan persekutuan.

Beliau menjelaskan hubungan baik antara kerajaan persekutuan dan negeri memudahkannya untuk mengemukakan cadangan pembinaan balai polis, bomba dan klinik kesihatan di kawasan tersebut.

"Ketika ini, klinik desa terletak agak jauh iaitu di Bukit Cherakah. Balai bomba pula di Bestari Jaya dan balai polis terletak di Saujana Utama.

"Kemudahan ini diperlukan kerana



penduduk makin padat dan kawasan Puncak Alam kian membangun," kata ketua Umno Bahagian Kuala Selangor itu ketika ditemui pada 4 Ogos.

Berterima kasih kepada Ahli Parlimen Kuala Selangor Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang membantu kempen, Jahaya berkata kerjasama erat terjalin antara jentera BN dan Pakatan Harapan.

"Kempen lancar kerana kebanyakan penduduk sudah kenal saya. Sokongan Dr Dzulkefly yang turun berkempen memberi semangat kepada saya untuk lebih kuat bekerja," katanya.

Jahaya juga mahu memberi tumpuan untuk menyediakan prasarana lebih baik khususnya jaringan jalan raya bagi memastikan keselamatan penduduk di Jeram terutama penunggang motosikal.

"Saya juga mahu menambah lebih banyak lampu jalan di kawasan gelap dan menyelesaikan isu parit tersumbat."

Pesakit barah kempen

KUALA SELANGOR - Meski menghidap barah ovari tahap empat, ketua Wanita Umno cawangan Kampung Bukit Kuching di sini tekad membantu calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Bukit Melawati.

Julaina Sulaiman, 48, menegaskan beliau tidak akan sesekali mengaku kalah semata-mata disebabkan penyakitnya itu hingga mengabaikan perjuangan demi kepentingan negara.

"Kenapa hendak mengalah dengan penyakit? Ini demi negara kita, masa depan anak cucu kita, saya tidak mahu menyesal nanti.

"Ada (orang) yang berumur 70, 80 ta-

hun masih bersemangat, kita baru diujisikit macam ini kenapa duduk diam? Bukan saya terlentang tidak boleh bangun," katanya pada 3 Ogos.

Dalam pertemuan dengan calon Thiban Subbramaniam di Kampung Asahan di sini, ucapan beliau membakar semangat jentera parti selain menerima tepukan gemuruh penyokong HARAPAN dan Umno.

Turut hadir, Ketua Wanita Umno Bahagian Kuala Selangor Sopiah Din.

Thiban, ahli Majlis Pimpinan Negeri Parti Keadilan Rakyat, berdepan calon Perikatan Nasional Noorzley Yahya dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

DISKAUN BUMI TERSEDIA



LAKE6
ENTREPRENEURS' PARK II
Koridor Perindustrian Puchong

*Gambar hanya ilustrasi artis sahaja.



TAWARAN EKSKLUSIF
LOT BUMIPUTERA

*Tertakluk terma & syarat.

Kilang Berkembar 3 Tingkat baharu yang menerajui industri direka untuk meningkatkan fleksibiliti dan kecekapan perniagaan anda





www.mitraland.com.my/lake6

Vibrant Meteor Sdn Bhd (635425-X)
Ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan, Malaysia. No. 134, Jalan PJU 9/1, Kota Damansara, 47810 Putrajaya, Selangor. Tel: 03-7661 8888. Fax: 03-7661 8889.

Galeri Jualan Dibuka Setiap Hari (10 pg - 6 ptg)

011 6060 2110

D-G-01, Menara Mitraland 13A, Jalan PJU 5/7, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor



KEMBANGKAN BISNES ANDA
MODERN • VERSATIL • HYBRID



Calon Gombak Setia Datuk Megat Zulkarnain Omardin bersama pemain bola sepak di Universiti Islam Antarabangsa, Gombak pada 2 Ogos



Calon Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli menyapa pengunjung di tapak kendera saji Taman Melawati, Gombak pada 2 Ogos



Calon Ijok Amidi Abdul Manan berbual dengan warga emas di Kampung Bukit Badong, Kuala Selangor pada 1 Ogos



Calon Sungai Ramal Mazwan Johar mengedar risalah di Bandar Teknologi Kajang, Hulu Langat pada 2 Ogos



Calon Sungai Pelek Lwi Kian Keong beramah mesra bersama pengunjung pasar pagi Sungai Pelek, Sepang pada 4 Ogos



Calon Dusun Tua Datuk Johan Abdul Aziz menyapa pekerja bengkel sekitar Batu 14, Hulu Langat pada 2 Ogos



Mahu atasi isu tekanan air rendah

SHAH ALAM - Calon Pakatan Harapan kerusi Lembah Jaya Syed Ahmad Syed Abdul Rahman mahu mengatasi masalah tekanan air rendah yang sering dihadapi penduduk kediaman strata jika dipilih sebagai wakil rakyat.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Altimet berkata isu berkenaan sering dibangkitkan wakil kawasan rukun tetangga (KRT) dan badan pengurusan bersama (JMB) pangsapuri sepanjang 10 bulan menjadi penyelaras kawasan berkenaan.

"Biasanya apabila melibatkan ka-

wasan rumah pangsa dan kondominium, mereka berhadapan dengan gangguan tekanan air.

"Mendengar kepada luahan penghuni, saya bersama-sama ketua komuniti bekerjasama dengan Air Selangor untuk menangani isu ini.

Biasanya kami berjaya menyelesaikan masalah itu dengan tempoh masa yang agak singkat," katanya dalam wawancara bersama Sinar Harian baru-baru ini.

Beliau berkata penyediaan peluang



kerja dan bantuan awal mula nia-ga antara usaha yang diberikan tumpuan bagi meningkatkan ekonomi golongan muda.

Selain itu, Altimet juga mahu menyelesaikan isu banjir kilat yang kerap berlaku di Kampung Sungai Putih dan kawasan berdekatan.

Altimet akan dicabar Ketua Penerangan PAS Ampang Sharifah Haslizah Syed Ariffin daripada Perikatan Nasional dalam pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Turut bela pengendali restoran

Bina hentian rehat p-panggilan

Oleh JULIANA JOHAR

SHAH ALAM - Penubuhan pusat hentian rehat untuk pemandu p-panggilan antara tumpuan calon Pakatan Harapan Paya Jaras Mohd Khairuddin Othman.

Penyandang kerusi itu juga telah mengenal pasti dua lokasi strategik di Saujana Utama dan Bandar Baru Sungai Buloh untuk pembinaan tersebut.

"Saya ingin bina 'one stop centre' buat pemandu p-panggilan. Saya mahu mereka boleh berehat dan solat sementara tunggu tempahan disiapkan.

"Saya yakin ia akan dapat dilaksanakan segera jika diberi mandat sekali lagi," katanya dalam ceramah kelompok bersama anak muda di Kampung Paya Jaras Hilir di sini pada 5 Ogos.

Beliau yang sebelum ini EXCO sukan



juga memasang misi untuk membina lebih banyak gelanggang futsal dan padang bola sepak untuk dimanfaatkan golongan belia.

Dalam program berbeza, Mohd Khairuddin juga mahu menyelesaikan masalah penetapan kadar komisen terlalu tinggi yang dikenakan syarikat p-panggilan kepada pengendali restoran.

Beliau bercadang membawa isu tersebut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya masalah tersebut dapat diselesaikan segera secara menang-menang bagi kedua-dua pihak.

"Perdana menteri ada maklumkan untuk jumpa semua syarikat berhubung isu (kadar rendah pekerja p-panggilan). Kini, saya usulkan perkara sama bagi pihak pengendali restoran pula.

"Pengendali restoran memaklumkan kadar dikenakan agak tinggi dan bukan sahaja menekan pemilik tetapi juga pelanggan," katanya selepas ber-

temu dengan wakil pengendali restoran pada 4 Ogos.

Mohd Khairuddin berdepan saingan tiga penjuar menentang Dato' Dr Ab Halim Tamuri daripada Perikatan Nasional dan Nurhaslinda Basri (Bebas).

Pengusaha restoran Fareed Mohd Ali, 47, yang berniaga sejak 12 tahun lalu menganggap kadar dikenakan syarikat p-panggilan agak tinggi.

"Syarikat p-panggilan kenakan kadar antara 30 hingga 35 peratus daripada harga asal menu di kedai yang memang membebaskan pelanggan sekali gus memberi kesan kepada pendapatan harian.

"Sesetengah syarikat kurangkan kadar kepada 28 peratus bergantung jualan dan waktu. Saya berharap perkara ini dinilai semula supaya tidak membebaskan kami dan pelanggan," katanya.

Pada 22 Julai, Anwar dalam pertemuan pekerja p-panggilan mahu bertemu semua syarikat p-panggilan untuk berbincang berkenaan kadar upah penghantaran makanan yang kian rendah.

Wanita KEADILAN mampu menang

KUALA SELANGOR - Wanita Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) yakin menang semua kerusi ditandingi pada pilihan raya negeri (PRN) mem-babitkan enam negeri.

Ketuanya Fadhlina Sidek berkata keyakinan itu berdasarkan peningkatan sokongan dan persiapan jentera perpaduan yang cukup baik.

"Kita memang 'full force' semua kerusi wanita dan ia menunjukkan peningkatan sokongan yang sangat

memberangsangkan dan nampak petanda sokongan rakyat semakin bertambah.

"Persiapan jentera juga cukup baik dengan gabungan perpaduan dan mereka bekerja keras untuk memastikan kemenangan untuk calon Kerajaan Perpaduan.

"Malah, kita yakin sepenuhnya semua kerusi kita masuk menang biarpun ada yang beri saingan. Melihat pada persiapan menunjukkan keber-

sediaan calon wanita untuk bertanding," katanya dalam ceramah kelompok pada 3 Ogos.

Fadhlina yang juga menteri pendidikan berkata semua sekolah yang terlibat kini bersiap sedia sepenuhnya untuk pengundian pada 12 Ogos.

"Ini bukan pengalaman pertama untuk pilihan raya dan tiada sebarang masalah. Semua bersedia dan kita telah hantar taklimat kepada pihak sekolah," katanya.

Jentera bersemangat bawa kemenangan

GOMBAK - Disiplin dan semangat perpaduan jentera Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) mampu membantu kemenangan tiga calon gabungan itu di Gombak.

Pengerusi HARAPAN Selangor Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha meyakinkan pengundi juga diteruskan bagi memastikan semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) ditawan pada 12 Ogos.

"Saya yakin di Gombak kita boleh menang ketiga-tiga DUN dan kita perlu bekerja lebih keras untuk memastikan kemenangan kali ini," katanya yang juga Dato' Menteri Besar.

Tiga kerusi itu ialah Sungai Tua yang disandang Amirudin sejak 2008 (dahulu dikenali DUN Batu Caves), Hulu Kelang (Juwairiya Zulkifli) dan Gombak Setia (Datuk Megat Zulkarnain Oardin).

Beliau ditemui dalam acara gotong-ro-yong memasak bubur sempena program Asyura Perpaduan DUN Gombak Setia di Pusat Komersial Taman Sri Gombak, Batu Caves di sini pada 5 Ogos.

Calon Ijok mudah dekati rakyat

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Ijok Amidi Abdul Manan diyakini mampu menjaga kebajikan penduduk jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Pengerusi majlis penasihat Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) menyifatkan bekas penyarah Universiti Selangor itu seorang yang berwibawa dan tidak kekok mendekati rakyat.

"HARAPAN tawarkan (calon berpotensi) tetapi yang memilihnya adalah pengundi. Insya-Allah, Amidi akan beri khidmat terbaik," kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail 5 Ogos.

Dalam PRN pada 12 Ogos, Amidi berdepan saingan tiga penjuar menentang calon Perikatan Nasional Jefri Mejan dan Tan Cat Keong mewakili Bebas. Kerusi Ijok dimenangi KEADILAN sejak 2008.

Pilih pemimpin beradab, tertib

GOMBAK - Ketua angkatan muda Parti Keadilan Rakyat menasihati anak muda supaya memilih pemimpin yang beradab dan tertib serta menghormati orang lain termasuk lawan.

Adam Adli Abd Halim berkata golongan tersebut diingatkan tidak terpengaruh dengan gelagat sesetengah pemimpin yang hanya pandai bercakap dan melawak tetapi tidak bekerja untuk rakyat.

"Hendak angkat pemimpin, angkat orang yang ada tertib, yang buat kerja dan ada rasa hormat pada orang lain. Kalau tidak hormat orang lain, dia takkan hormat rakyat sendiri," katanya pada 5 Ogos.



Calon Sungai Tua Dato' Seri Amirudin Shari bersama pengunjung di pasar Selayang Baru, Gombak pada 30 Julai



Calon Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri menziarahi pesakit jantung di Pandamaran Jaya, Klang pada 2 Ogos



Calon Taman Medan Ahmad Akhir Pawan Chik melawat penduduk di Taman Medan, Petaling Jaya pada 3 Ogos



Calon Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail bersama pengunjung program jualan murah di Pekan Parit Baru, Sabak Bernam pada 1 Ogos



Calon Sementa Afrishah Azizi menyapa peniaga AgroMarket di Dewan Arena Square Kampung Bukit Kapar, Klang pada 5 Ogos



Calon Batang Kali Datuk Mohd Isa Abu Kasim mendekati pengunjung pasar pagi Ulu Yam Baru, Hulu Selangor pada 5 Ogos

Wariskan kediaman kepada anak

HULU SELANGOR - Pemilik rumah di Bandar Sungai Buaya dekat sini bersyukur apabila menerima surat hak milik individu kediaman sekali gus menamatkan penantian 24 tahun.

Pengerusi badan bukan kerajaan (NGO) Bandar Sungai Buaya Dato' Ruslee Hashim lega berikutan pemberian geran kepada 3,500 pemilik rumah yang sekian lama tertangguh berakhir.

"Sebelum ini kami sebagai pemilik terbeban kerana ada rumah tapi tiada geran. Tidak boleh pindah milik rumah

kepada anak atau jual beli kerana bank tidak terima urusan tanpa geran.

"Hari ini, apabila kami dapat geran daripada Kerajaan Negeri, urusan jual beli atau pindah milik rumah mudah berbanding dahulu kerana ada geran hak milik individu," katanya.

Menetap lebih 20 tahun di situ, beliau antara 730 penerima geran yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di pe-

jabat MJD Berhad di sini pada 2 Ogos.

Datuk Azizan Zakaria yang menerima dua geran gembira dan bercadang untuk memindah milik rumah kepada anak-anaknya percaya penyerahan geran juga meningkatkan nilai hartanah di situ.

"Sebelum ini, harga rumah hanya RM100,000. Kini nilainya lebih RM600,000 manakala sewa hanya RM700 sebulan tetapi meningkat sehingga lebih RM1,000," katanya.



Mangsa ribut hargai sumbangan MBI

Tampung kos baik pulih rumah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

KUALA LANGAT - Seramai 152 mangsa ribut di Morib di sini bersyukur menerima sumbangan wang tunai RM500 daripada Menteri Besar Selangor (Permerbadanan) atau MBI.

Penerima T Sathya Devi, 40, gembira menerima bantuan yang dapat menampung sebahagian kos membaik pulih bumbung dapur yang diterbangkan ribut sekitar jam 4 pagi.

"Kemudian petang hari yang sama kami segera meminta tukang untuk baik pulih bumbung dengan menggunakan simpanan yang ada, saya belanjakan hampir RM5,000 untuk baiki bumbung.

"Saya berterima kasih dan menghulurkan bantuan kepada semua mangsa ribut di daerah ini," kata ibu tiga anak.

Muhammad Jaini Dasih, 65, pula mahu menggunakan bantuan itu untuk membeli barangan keperluan harian berikutan bumbung rumahnya di Kampung Tali Air yang rosak telah dibaik pulih.

"Syukur terima bantuan MBI yang prihatin dalam menghulur sumbangan selepas Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang turut membantu kami sebelum ini," katanya.

Mereka antara 152 keluarga yang menerima bantuan disampaikan Ketua Pegawai Operasi MBI Saipolyazan M Yusop dan disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 1 Ogos.

Pada 14 Jun, penduduk Morib digemparkan dengan kejadian ribut yang menerbangkan bumbung ru-

mah selain pokok sekeliling kediaman tumbang.

Bencana itu mengakibatkan 62 rumah di Kampung Morib terjejas, Kampung Tali Air (42), Kampung Kanchong Darat (24), Kampung Kelanang (15), Kampung Endah (lima), Kampung Kanchong Tengah (tiga) dan Kampung Sungai Lang Tengah (satu).

Dalam majlis sama, MBI turut menghulur bantuan RM48,700 bagi membaik pulih jeti nelayan Kampung Kelanang.

Ketua Kampungnya Norhairi Mohd Yulah, 48, yang mewakili lebih 600 nelayan di kawasan berkenaan berterima kasih kepada MBI terhadap bantuan tersebut.

"Jeti ini sudah lebih setahun uzur dan agak membahayakan nelayan. Justeru, dengan adanya bantuan ini, kita sudah boleh baik pulih dalam masa terdekat," katanya.



Tingkat ekonomi Sungai Pelek

SEPANG - Usaha memajukan pelancongan agro antara tumpuan calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Sungai Pelek Lwi Kian Keong jika diberi mandat pada pilihan raya negeri 12 Ogos.

Katanya, sektor itu ada potensi besar berikutan banyak ladang buah naga yang diusahakan penduduk mampu menarik kehadiran pelancong sekali gus meningkatkan pendapatan mereka.

"Beberapa pengusaha mula buka ladang mereka untuk lawatan, jadi kita mahu kembangkan kegiatan tersebut dengan menjadikan destinasi wajib lawat jika pelancong berkunjung ke Selangor.

"Saya mahu menaikkan kuasa ekonomi masyarakat Sungai Pelek ini melalui pelancongan agro," katanya ketika ditemui dalam sesi Kopitiam Talk Dengkil di sini pada 3 Ogos.

Pernah berkhidmat sebagai ketua kampung baru Salak dan ahli Majlis Perbandaran Sepang, beliau turut memberi tumpuan terhadap usaha menaikkan taraf prasarana jalan raya dan mengatasi banjir.

"Dengan pengalaman saya, pengundi boleh menilai dan mengundi



HARAPAN supaya pentadbiran negeri dan persekutuan senada, mudah kita atur penyelesaian isu banjir dan prasarana.

"Selain itu, kerjasama erat antara HARAPAN dan Barisan Nasional yang mengambil inisiatif melaksanakan kempen bersama-sama meyakinkan rakyat untuk memilih gabungan ini," katanya.

Kerusi itu menyaksikan pertembungan tiga penjurong antara Kian Keong, Dato' Suhaimi Ghazali (Perikatan Nasional) dan Nageswaran Ravi (Bebas).

◀ DARI MUKA 24

73 peratus puas hati pentadbiran Anwar

Berikut dapatan lain jika berlaku pertembungan dua penjurong antara HARAPAN dan PN serta BN dan PN :

- 72 peratus PPK dan 61 peratus M undi HARAPAN dalam saingan dua penjurong manakala 28 peratus PPK dan 39 peratus M sokong PN
- 68 peratus PPK dan 58 peratus M undi BN dalam saingan dua penjurong manakala 32 peratus PPK dan 42 peratus M sokong PN

Majoriti pengundi juga mendukung pentadbiran Datuk Seri Anwar Ibrahim.

- 73 peratus PPK dan 64 peratus M puas hati dengan kepemimpinan Anwar dan prestasi Kerajaan Perpaduan
- 76 peratus PPK dan 69 peratus M dukung pembentukan Kerajaan Perpaduan antara HARAPAN dan BN
- 52 peratus PPK dan 46 peratus M anggap Anwar paling sesuai jadi perdana menteri

Tinjauan EMGC yang melibatkan 1,068 responden pelbagai kaum dibuat antara 22-28 Julai, seminggu sebelum hari penamaan calon pada 29 Julai.

Dalam pilihan raya umum 19 November 2022, 62 peratus PPK dan 52 peratus M daripada jumlah responden ini mengundi HARAPAN.

PRK Pulai, Simpang Jeram 9 September

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi kerusi Parlimen Pulai dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Simpang Jeram, Johor pada 9 September.

Pengerusi SPR Tan Sri Abdul Ghani Salleh berkata tarikh penamaan calon dan pengundian awal bagi kedua-dua kerusi berkenaan masing-masing pada 26 Ogos dan 5 September.

Mesyuarat itu diadakan berikutan kekosongan luar jangka berikutan kematian penyandangannya Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 23 Julai.


MPK naik taraf Jalan Tengku Kelana

SHAH ALAM - Little India Klang di Jalan Tengku Kelana, Klang akan dinaik taraf sejajar pemasyhuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai bandar raya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pengindahan lokasi beli-belah popular itu masih mengekalkan identiti Klang sebagai Bandar Diraja.

"Saya akan pastikan Little India Klang boleh ditambah baik selari pengumuman Klang sebagai bandaraya oleh KPKT (Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan).

"Kita ambil perhatian perkara ini dan akan dibawa ke pengetahuan Yang Dipertua MPK Noraini Roslan," katanya pada 4 Ogos.



Tangkis hasutan, pupuk perpaduan

SHAH ALAM - Sultan Perak Sultan Nazrin Shah bertitah usaha untuk memupuk perpaduan semakin diperlukan ketika ini untuk menangkis suara-suara yang cenderung mengapi-apikan perasaan rakyat atas nama bangsa dan agama.

Baginda bertitah suara-suara bernada permusuhan yang jika tidak segera dibendung, berpotensi besar meracuni pemikiran rakyat untuk saling mencurigai sehingga boleh mencetuskan pertelingkahan, perselisihan dan perpecahan.

"Setelah hampir 66 tahun mencapai kemerdekaan, warga (rakyat) jangan dihanyutkan oleh suara-suara bernada permusuhan yang boleh mencetuskan persengketaan, perselisihan dan perpecahan.

"Negara memerlukan pemimpin yang mengamalkan sifat inklusif, pemimpin yang memiliki azam dan kebijaksanaan, berupaya menganyam elemen yang pelbagai menjadi hamparan yang indah dan kukuh bertaut," titah Baginda seperti dilapor Bernama.

Rakyat sambut baik tawaran negeri

HULU LANGAT - Rakyat menyambut baik tawaran yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (HARAPAN) negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata inisiatif yang mendapat perhatian ialah bantuan RM1,000 kepada wanita berkerjaya serta insentif RM2,000 kepada 3,000 jemaah haji muassasah.

"Sambutan sangat baik termasuk cadangan landasan rel kereta api seperti LRT (Transit Aliran Ringan) dan MRT (Transit Aliran Deras) sampai Kuala Selangor selain pembangunan tiga kawasan bandar.

"Beberapa solusi tambahan antaranya 200,000 pelajar PTRS (Program Tuisyen Rakyat Selangor), latihan TVET kepada 10,000 pelajar dan 100,000 peluang kerjaya."



CERIA...
Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyaksikan penyerahan geran kepada penerima di Bandar Sungai Buaya, Hulu Selangor pada 2 Ogos.
Foto HAFIZ OTHMAN

Tinjauan di 34 kerusi marginal

Amirudin pilihan utama pengundi

SHAH ALAM -Sebanyak 76 peratus pengundi pelbagai kaum (PPK) dan 69 peratus pengundi Melayu (M) mahu Dato' Seri Amirudin Shari terus kekal sebagai Dato' Menteri Besar, menurut firma tinjauan pendapat Endeavour-MGC (EMGC).

Tinjauan sama mendapati 61 peratus PPK dan 56 peratus pengundi M memilih Amirudin sebagai calon menteri besar selepas pilihan raya hujung minggu ini.

Pengerusi Perikatan Nasional (PN) negeri Dato' Seri Mohamed Azmin Ali hanya menjadi pilihan 8 peratus PPK

dan 10 peratus M di 34 kerusi marginal di Selangor yang menjadi fokus tinjauan.

Pesuruhjaya PAS negeri Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi bukan pilihan pengundi, hanya mendapat 4 peratus sokongan PPK dan 6 peratus M.

Berikut hasil dapatan lain dalam tinjauan sama:

- 77 peratus PPK dan 70 peratus M puas hati dengan kepemimpinan Amirudin
- 75 peratus PPK dan 68 peratus M puas hati pencapaian Pakatan Harapan (HARAPAN)

- 76 peratus PPK dan 69 peratus M mahu Amirudin dipilih semula memimpin negeri
- 62 peratus PPK dan 52 peratus M sedia undi HARAPAN pada 12 Ogos manakala Barisan Nasional (BN) masing-masing 11 dan 10 peratus sokongan lagi.
- 22 peratus PPK dan 31 peratus M undi PN. Satu peratus sokong Parti Sosialis Malaysia dan Ikatan Demokratik Malaysia (Muda) tiada sokongan

► BERSAMBUNG MUKA 23

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL

SERTAI LEBIH
1 JUTA
KOMUNITI DIGITAL
MEDIA SELANGOR



Media Selangor



Media_Selangor



mediaselangor



Media Selangor Sdn Bhd



Selangor TV



Selangor TV



@Selangortv



t.me/Media Selangor

Layari portal berita selangorkini.my

MediaSelangor